



Lim sedang menerima waikahan S.E.A. Write Award, 2000 dalam satu upacara di Bangkok, Thailand

DR. LIM SWEE TIN lulusan Doktor Falsafah daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Lim di samping bergiat cergas dalam bidang penulisan kreatif adalah guru sekolah selama 28 tahun. Mulai 1 Disember 2000, Lim berkhidmat di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Kumpulan karya beliau antara lain Akrab (1985), kumpulan puisi terpenting beliau, yang memenangi Anugerah Puisiputra 2 tahun 1983, Menyusur Musim (1991), 'Seorang Anak Kecil dan Sajak-sajak Lain/A Child and Other Poems' (1993), 'Sebuah Fragmen Cinta' (1998,2000), Citra Kurnia (2003,2004) dan Sukma Cemara (2005). Kumpulan sajak remaja 'Memetik Mawar' memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2002/2003.

Pada tahun 2000 yang lepas, atas sumbangan beliau yang berterusan dalam penghasilan karya kreatif, Lim dianugerahi S.E.A. Write Award oleh Kerajaan Diraja Thailand, anugerah untuk pengarang-pengarang terbaik dari seluruh rantau Asia Tenggara. Lim kini Ahli Jawatankuasa Sastera, Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan Ahli Jawatankuasa MASTERA (Majlis Sastera Asia Tenggara), DBP. Sebelumnya Lim merupakan Ahli Jawatankuasa Segmen Seni dan Budaya, RIM, Penilai Skrip Drama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dan Penasihat Produksi Istana Budaya.

Kumpulan Sajak Patri

50

TAHUN
MENITI GEMILANG, DIRGAHAYU
MALAYSIAKU!

CAKERAWALA
KEMERDEKAAN

Kumpulan Sajak Patriotisme


50

TAHUN
MENITIGEMILANG, DIRGAHAYU
MALAYSIAKU!

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

LIM SWEE TIN

(PENERIMA S.E.A. WRITE AWARD, 2000)



PUSTAKA PERDANA



1006554

Cetakan Pertama, 2007

© CITRA KURNIA ENTERPRISE

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN: 978-98343283-5-1

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian karya dalam bentuk apa jua pun dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis.

Penerbitan:
CITRA KURNIA ENTERPRISE
Taman Sri Serdang, Sen Kembangan
Selangor Darul Ehsan
<http://www.citrakurnia.com>

Muka taip teks: Garamond
Sais taip teks : 13 poin

Dicetakoleh:
Percetakan TM Sdn. Bhd.
Sri Damansara Industrial Park
52200 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

Kampung Kami	1
Sejarah Mengajar Kita	2
Parameswara (I)	4
AkankahEngkauBerkata	5
Dongeng Purbakala	7
Genta Cinta	9
Mencintai Tanah lni	11
Tanpa Menyalahkan Sesiaapa	13
Memungut Kembali	
Tahun-tahunTerbaiktu	15
Semangat juang	17
Telah Tiba Kita	18
Semangat Merdeka	19
Cakerawala Kemerdekaan	21
Kala Kusangkutkan Rindu	22
WajahBumi	23
Pusaka untuk Warisan	26
Semua Mengalir	28
Cerita dari Sebuah Beranda	29
DiLantai Tanah Berbudiilni	31
Sajak Seorang Bapa kepada Anaknya	
Pada Hari Ulang Tahun	
Kemerdekaan Negara	34
Wajah dan Wadah Perjuangan Bangsa	39
Penghubung Hati Nurani Rakyat	40
Salam Perjuangan Srikandi Bangsa	41
Puncak Aspirasi	45

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

- Apologi Bahasaku 46
Sayap Era 47
Memerdekaan Kemerdekaan 50
Ikebanadi HariUlang Tahun 52
 Kemerdekaanmu, Malaysia
Deru Angin Ogos & Ceritera Lelaki Perjuangan 54
Warga Malaysia 59
Warkah Warga Merdeka 62
Sajak Seorang Warga Kecil 65
Makna Kemerdekaan 68
Akankah Mereka ke Sana 73
MariCipta Jalan Perdamaian 75
Di Halaman 76
Kebulatan 77
Simfoniku, Simfoni Sebuah Menara 78
Kota Kita Kota Cinta 81
Merentasi Sejarah 84
Membaca Ceritera Memeriksa Aksara
 Lirik Cinta Wilayah Kita 87
KitaGlokal 92
DiPuncakBukti 93
Bersila di Tikar Budaya 96
MengukirBudidiBumbungPeribadi 98
Tanahjantung 101
KePelabuhan Wawasan 103
JambakKasih 107
JejakPerdana 111
Di Bawah Langit Lazuardi Ini,
 MarilahMenginsafi Diri,
 Meneguhkan Kemerdekaan Abadi 117

PENGANTAR

Sejarah kemunculan dan perkembangan sajak yang bertemakan semangat kebangsaan sudah lama di negara kita. Jika diambil sajak yang berjudul 'Angan-angan dengan Gurindam' karangan Omar Mustafa, tersiar dalam Utusan Melayu 18 Januari 1913, dengan jelas membuktikan bahawa usia penulisan karya yang bertema begitulah sudah menjangkau lebih 90 tahun.

Sejak itu, banyak karya yang dihasilkan. Sajak-sajak bertemakan semangat kebangsaan dicipta oleh kalangan guru yang merupakan cerdik pandai pada ketika itu, wartawan dan pengarang di akhbar dan majalah, dan juga nasionalis yang berjuang untuk memerdekakan tanahair.

Sejauh manakah berkesannya sumbangsahtanahair ini kepada masyarakat tidaklah diketahui dengan nyata. Akan tetapi, jika dilihat kepada kesedaran yang mula membenih ke arah memerdekaan negara dalam kalangan rakyat, tumbuhnya kesatuan dan pertubuhan yang bernafaskan perjuangan politik dan laungan kebangsaan yang menyeluruh di seluruh pelosok tanah air, sajak-sajak yang dihasilkan pasti sekali memberikan impaknya.

Sajak yang tertemakan kebangsaan sejak awal

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

memang tidak dapat lari daripada hakikat keinsafan melihat nasib bangsa, kesedaran untuk membangkitkan semangat nasionalisme, dan berkobar-kobarnya hasrat untuk memerdekakan Tanah Melayu pada waktu itu. Ia berlaku baik semasa Penjajahan Inggeris, semasa Pendudukan Jepun, dan kembalinya Inggeris untuk menguasai Tanah Melayu sekali lagi, iaitu selepas Jepun mengaku kalah dalam Perang Dunia Kedua. Jepun menduduki Tanah Melayu dari tahun 1942 hingga 1945.

Dalam kajiannya, Abdul Latiff Abu Bakar menyatakan bahawa terdapat lima persoalan yang dikemukakan penyajak dalam menghasilkan sajak-sajak bertemakan kebangsaan ini, iaitu:

Cinta kepada tanah air
Keadaan dan nasib bangsa
Bencana orang-orang asing dan penjajah Inggeris
Semangat perjuangan untuk bangsa, agama dan
tanah air
Pemimpin bangsa

(Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987)

D A L A M era yang lebih terkemudian, walaupun negara telah mencapai kemerdekaan yang diperjuangkan, iaitu pada 31 Ogos 1957, sajak-sajak yang bertema begini masih te-

LIM SWEE TIN

tidak leka dan sentiasa memastikan kemerdekaan yang diraih tidak direbut musuh lagi. Sajak-sajak yang dihasilkan juga bertujuan untuk terus memantapkan jati diri dan keperibadian rakyat sebagai bangsa di negara yang berdaulat.

Dan, tidak dapat disangkal juga, karya-karya yang bertemakan kebangsaan ini mampu melonjakkkan kecintaan kita yang tidak berbelah bahgi terhadap tanah air. Rakyat bukan sahaja menyayangi tanah air sebagai satu kewajipan, tetapi juga sebagai pancaran sifat dapat berganding bahu dalam segala lapangan untuk memastikan kejayaan negara terus mengorak langkah mencapai kegemilangan.

Hari ini, Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara yang gemilang. Pencapaian negara yang hebat ini sudah tentulah melalui jerih dan payah pejuang-pejuang lampau yang tidak pernah mengenal tewas atau undur. Pemimpin negara pula tiada henti-hentinya merangka dasar dan strategi untuk melonjakkkan pencapaian dalam bidang-bidang seperti sosial, ekonomi dan juga politik.

Kestabilan politik di Malaysia yang berteraskan rasa persefahaman antara rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, semangat tolak ansur dan toleransi yang sangat menakjubkan, dan kebijaksanaan para pemimpin negara yang kita kasih menguruskan perihal negara.

CAKERAWALA KEMERPEKAAN

Dari era Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteriyang pertama, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Datuk Seri Dr. Mahahir (sekarang Tun), dan terkini Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Malaysia dibawa ke zaman-zaman yang bukan sahaja meletakkan ia antara yang terbaik dalam kalangan negara membangun, tetapi juga menjadikan Malaysia peneraju dalam banyak aspek di dunia moden hari ini. Semua ini mampu meningkatkan lagi jiwa patriotisme dalam dirikita.

Pada tahun 1990, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia atau G A P E N A melancarkan peraduan mengarang sajak yang bertemakan kebangsaan. Tujuan asal peraduan itu adalah untuk mencari karya yang baik, yang akan digunakan dalam Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan yang dianjurkannya, yang menjadi acara tahunan Perayaan Menyambut Hari Kebangsaan.

Akan tetapi, dari penelitian, kejayaan G A P E N A tidak sekadar memperoleh sejumlah sajak untuk dibukukan sahaja, lebih daripada itu, G A P E N A telah berjaya menyemarakkan penghasilan sajak-sajak yang bertemakan kebangsaan di Malaysia. Bukti nyata, muncul sajak-sajak bertema demikian dengan sangat suburnya.

Selepas antologi pertama **Di Atas Mimbar Merdeka** (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990) itu,

LIM SWEE TIN

muncul lagi beberapa antologi hasil peraduan dalam siri yang sama. Dengan itu, amat kayalah kesusasteraan kita dengan sajak-sajak yang bertemakan semangat kebangsaan.

Namun demikian, tidak dinafikan juga bahawa kesedaran dalam kalangan penyajak juga banyak mendorong penghasilan karya-karya seumpama ini. Hal ini berterusan walaupun G A P E N A tidak lagi menganjurkan peraduan selepas beberapa kali diadakan.

Penglibatan saya dalam bidang penulisan sajak bermula pada awal tahun 1970-an. Pada tahun 1972, saya memasuki Maktab Perguruan Persekutuan, Pulau Pinang. Di sini saya berpeluang membaca karya-karya sastera dengan banyaknya. Daripada pembacaan yang luas itu saya juga semakin rajin berkarya.

Pada tahun 1972, semasa maktab mengadakan majlis Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Negara saya diminta mendeklamasi sebuah sajak. Saya telah mencipta sebuah sajak yang berjudul '31 Ogos' sebagai memenuhi permintaan pengajur, dan mendeklamasi-kannya di Dewan Besar, Maktab Perguruan Persekutuan, Pulau Pinang.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

31 OGOS

Hari ini -15 tahun yang lalu
pernah tercatat dalam sejarah kehidupan bangsa
laungan yang menggema
ke pelosok bumi pusaka
meminta suatu kebebasan anak-anak bangsa tercinta
yang bernama- kemerdekaan.

Hari ini - 15 tahun yang lalu
pernah tercatat dalam sejarah kehidupan bangsa
telah gugur sudah
debu-debu hitam yang mencengkam
yang membelenggu setiap kebebasan
yang bernama - penjajahan.

Di bumi ini kami diperintah
di bumi ini kami dijajah
di bumi ini hidup kami payah.

Kami impikan sebuah kehidupan
kerana bangsa kami mencintai kedamaian.

Hari ini 31 Ogos yang datang
kucatatkan sejarah kehidupan bangsa
dari bunga-bunga berkembang
dari bibir-bibir tersenyum riang

LIM SWEE TIN

beralunlah lagu mesra kasih
di tanah airku tercinta
nusajaya.

*Makh&Pergurwn Persekutuari,
PulmPinang.
Ogos, 1972.*

Kecenderungan saya menghasilkan sajak-sajak yang bertemakan kebangsaan rupa-rupanya tidak terhenti setakat itu sahaja. Saya terus menghasilkannya, antaranya terhimpun dalam kumpulan-kumpulan sajak saya yang diterbitkan. Antara lain kerana memenuhi undangan mendeklamasikan sajak saban tahun di serata pelosok tanah air.

Usaha ini saya lakukan sehingga sekarang. Ia juga lahir daripada hasrat dan keinginan saya untuk meneruskan komitmen penyajak-penyajak terdahulu di samping keinginan yang kuat untuk sama-sama menyumbangkan sesuatu yang bermakna kepada negara yang saya cintai, Malaysia.

Kumpulan Cakerawala Kemerdekaan ini saya hasilkan dengan menghimpunkan karya-karya saya yang ditulis lebih awal, yang pernah memenangi peraduan mengarang, atau yang bertujuan dikirim kepada siaran media penerbitan seumpama akhbar dan majalah, dan ada juga yang baru sahaja diciptakan, iaitu sebagai

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

persediaan menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan tanah air.

Sebenarnya, saya sudah lama menyimpan hasrat untuk menghasilkan himpunan seperti **Cakerawala Kemerdekaan** ini. Maka, kenalah pada ketikanya, dalam saat kita merayakan sambutan 50 tahun kemerdekaan, saya merealisasikan impian saya yang terbabit sekian lama ini. Dengan segalakerendahanhati, saya hadiah seluruh rakyat Malaysia sebuah koleksi karya daripada cetusan suara hati nurani saya.

Salam hormat.

LLMSWEETLN
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
Serdang, Selangor.

Tanggal 15 Mei 2007.

LIM SWEE TIN

PANDUAN MENYAMPAIKAN DEKLAMASI: **DEKLAMASI ITU SENI**

LIM SWEE TIN

Pendahuluan

Deklamasi sajak dikatakan satu seni.

Ia sedemikian kerana di dalamnya ada gemblengan suara, sebutan, intonasi yang ditambahi gerak geri - orang menamakannya gaya, kadang-kadang dilengkapi muzik atau kesan bantu yang khas, yang semuanya bertujuan untuk dalam karya yang dideklamasikan.

Khalayak mendengarnya, atau menonton persembahan kita. Pastinya, mereka mengharapkan sesuatu yang boleh membantu mereka memahami isi kandungan teks (yakni sajak), dan dalam waktu yang sama boleh membuatkan mereka terpesona.

Kekaguman ini ialah kesan. Kekaguman yang boleh datang melalui persembahan yang lain, contohnya seni

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

tari, pementasan mak yung, dan sebagainya. Ia mungkin mungkin dibantu muzik yang unik lagi hebat, kostum yang 'r' Semuanya mengikut sifat masing-masing.

Dalam deklamasi sajak, kita juga boleh memberi kekaguman yang tersendiri sekiranya kita mengetahui teknik-tekniknya yang betul. Banyak *asas* yang perlu anda ketahui seandainya anda berhasrat untuk menyampaikan deklamasi selepas ini, dan deklamasi anda membawa kekaguman kepada orang ramai, iaitu khalayak atau audien anda.

Nada Sajak

Sajak dikatakan boleh disampaikan dalam lima nada. Nada tersebut ialah

- Nada melankolik
- Nadaromantik
- Nadapatriotik
- Nada sink
- Nadaprotes

Nada ini sebenarnya terbit daripada isi sajak. Dengan perkataan lain, tema atau persoalan sesebuah sajak dan corak penggunaan bahasa dalam sajak tersebut yang menentukan nadanya. Sebagai contoh, sekiranya anda membawakan sajak 'Ke Makam Bonda'

LIM SWEE TIN

yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara Usman Awang, isinya menghibakan, iaitu tentang kunjungan anak ke pusara bapa.

Dalam kenangan kami melihat,
mesra kasih bonda menatap,
sedang lena dalam rahap,
dua tangan kaku berdakap.

Bibir bonda bersih lesu,
pernah dulu mengucupi dahiku,
kini kurasakan kasihnya lagi,
meski jauh dibatasi bumi.

Sajak 'Ke Makam Bonda' merupakan contoh sajak yang baik untuk nada rendah, suara yang perlahan, dan sebutan katanya jelas sepatuh demikian sehingga menimbulkan

Dalam hal ini, biarlah kita langsung ke nada patriotik. Nada ini ditujukan kepada penyampaian deklamasi untuk sajak-sajak yang bertemakan patriotisme. Sajak-sajak yang membawakan tema semangat kebangsaan selari dibaca dengan nada ini.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Akan tetapi, sebelum itu, eloklah diulas sepintas lalu nada-nada yang lain, sekadar untuk melengkapkan pengetahuan dan memudahkan panduan. Nada romantik ialah nada untuk sajak-sajak yang sederhana. Sederhana di sini adalah dari segi isi, dan sekali lagi, dari segi pemilihan diksinya. Nada sederhana ialah suara yang tidak terlalu direndahkan, dan tidak juga terlalu dilantangkan. Suara kita tidaklah sampai berbisik-bisik sebagaimana yang kadang-kadang kita gunakan semasa mendeklamasikan sajak bernada melankolik seumpama 'Ke Makam Bonda' tadi.

Sajak-sajak yang membawakan tema kasih sayang, persahabatan, alam, dan sebagainya sesuai dideklamasikan dengan menggunakan nada ini. Secara logiknya, kalau kita mendeklamasikan sajak tentang kasih sayang, untuk apa perlunyakitamenjerit-jerit! Nada yang sedikit menjerit-jerit digunakan dalam sajak-sajak yang membawa maksud protes dan sinis.

Sajak protes sesualah dengan namanya untuk menyatakan ketidaksenangan seseorang terhadap sesmtu, sehingga menyebabkan dia mahu menzahirkan rasa tidak senang itu. Jadi, nada suara yang digunakan lebih tinggi, lebih lantang, dan lebih nyaring lagi. Anda boleh juga menjerit-jerit untuk bahagian-bahagian yang tertentu. Walau bagaimanapun, tidaklah perlu menjerit sepanjang masa kerana orang yang mendengar deklamasi kelak tidak akan memahami apa-apa!

LIM SWEE TIN

Nada sinis dirujuk kepada sajak yang mengandungi sindiran yang tajam, mengejek, dan mengata pihak-pihak yang telah melakukan sesuatu yang tidak betul. Suara yang dilepaskan dalam deklamasi masih tinggi seperti nada protes, tetapi diselang-seli dengan suara yang rendah atau amat rendah, serendah nada melankolik, di bahagian-bahagian yang sesuai dan memerlukannya.

Dengan yang demikian, sehingga ini saya percaya anda sudah boleh membayangkan di manakah letaknya nada patriotik. Menyampaikan deklamasi sajak yang bertemakan semangat kebangsaan memerlukan anda menggunakan ketiga-tiga nada pada tempat atau bahagian-bahagiannya yang bersesuaian. Maksudnya, walaupun secara umumnya, nada yang digunakan tinggi, ada kalanya anda perlu merendahkan suara, manakala pada tempat atau bahagian yang lain pula anda menyaringkan suara. Paduan atau adunan ketiga-tiganya menjadikan nada anda lebih bervariasi, kedengaran 'hidup' dan berfungsi di pentas.

Saya tidak perlu menjelaskan dengan lebih lanjut lagi tentang sajak-sajak patriotik kerana ia sudah diuraikan dalam bahagian Pengantar. Sekarang, kita terus sahaja ke aspek selanjutnya, iaitu kata dan sebutan.

CAKERA WALAKEMERDEKAAN

Kata dan Sebutan

Dalam menyampaikan deklamasi, perkara yang paling **asas** ialah memahami seriap makna kata yang digunakan dalam sajak. Setiap kata ada maknanya. Dan, makna ini boleh dijelmakan melalui sebutan yang betul. Sebagai contoh, perkataan 'acung', iaitu menujuk-nujahkan tangan kita ke atas, perlu disebut dengan betul dan bersemangat untuk menjelmakan maknanya dengan betul.

Jika disebut secara mendatar sahaja, ia tidak bererti apa-apa, apatah lagi dalam sesuatu deklamasi. Ia perlu disebut dengan lantang dan jelas. Bahagian 'a' yang sudah sedia tinggi nadanya, ditinggikan lagi apabila bahagian 'cung' dilafazkan. Kesannya sangat berbeza.

Dalam hal deklamasi, sekali lagi saya tegaskan, kenali setiap kata yang ada di dalam sajak yang akan dideklamasikan, seboleh-bolehnya. Selepas itu, barulah berlatih menyebutnya. Sebutan penting. Sebutan perlu jelas. Kaedah yang selalu dipraktikkan orang adalah dengan menyebut suku kata demi suku kata. Jangan sesekali menggeluncurkan sebutan kerana sukar bagi orang menangkap apa yang dikatakan. Diksi seperti 'kemerdekaan' memerlukan kita menyebut bahagian-bahagian suku katanya dengan jelas dan tepat, iaitu:

ke - mer - de - ka - an

LIM SWEE TIN

Ia akan berlainan jika disebutkan secara pantas.
Mungkin ada antara suku katanya yang tenggelam. Kata
yang disebutkan sudah jadi kata yang lain. Latihan demilatihan diperlukan. Sebutlah dengan cara ini untuk seluruh sajak se-

Seperkara lagi yang tidak boleh diabaikan sama sekali ialah penjedaan baris dan rangkap dalam sajak. Jeda bermaksud berhenti sebenar atau pemotongan dalam baris atau rangkap.

Contohnya, jika kita menyebut 'Wanita bercermin mata masuk dahulu' melalui penjedaan atau pemotongan baris yang tidak betul, akan memberikan maksud yang berlainan. Perhatian perbezaannya:

Wanita bercermin mata // masuk dahulu
dengan,

Wanita bercermin // mata masuk dahulu

Hal ini selalu diabaikan. Apa yang penting adalah apabila menyampaikan deklamasi, sesuatu baris perlulah diperhalusi tempat berhenti dan penyam-

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

bungannya. Ini penting kerana jika tidak, perkara seperti di atas akan berlaku. Ada setengah-setengah karya disusun perkataan dan barisnya sedemikian rupa sehingga seandainya diikuti betul-betul bagai yang dituliskan, maksud yang dibawa tidak kesampaian apabila dideklamasikan. Jeda ditandai dengan [//]. Misalnya, bagaimakah anda mendeklamasikan rangkap yang di bawah ini?

Kemerdekaan tidak bermakna sekiranya nestapa
rakyat hanya mampu didodoikan
Dengan buai hasrat.

Adakah dengan mengikut betul-betul seperti susunan barisnya? Jika ya, maknanya sudah jadi lain. Kita tidak boleh berhenti pada perkataan 'nestapa', kemudian membaca baris yang berikutnya sebagai satu baris yang terasing. Baris-baris sajak ini sepatutnya dideklamasikan dengan jeda sebagaimana yang berikut

Kemerdekaan tidak bermakna //
sekiranya nestapa rakyat//
hanya mampu didodoikan//
Dengan buai hasrat.

LIM SWEE TIN

Dengan perkataan lain, pembinaan maksud dicapai melalui penyebutan baris dan rangkap yang tepat. Penjedaan yang mencelarukan maksud yang dihajatkan.

Gaya

Gayapenting dalam deklamasi sajak. Gayamembantu penyampaian kita menjadi lebih berkesan. Ada juga deklamator (= pendeklamasi sajak) yang berdiri tegap, tidak bergerak-gerak semasa menyampaikan deklamasi. Mungkin deklamator ini ada karisma yang tertentu untuk menarik perhatian. Suaranya yang istimewa! Ketokohannya yang luar biasa! Atau, lenggang-lenggok suaranya yang sudah sedia memukau!

Dalam banyak hal, deklamator memerlukan sokongan gaya. Gaya boleh ditunjukkan melalui anggota badan. Antara yang terpenting ialah muka. Dengan muka sahaja kita boleh menggunakan mata, alis, dan mulut dengan berkesan. Mata boleh diluaskan dan disempitkan untuk tujuan-tujuan yang sesuai, juga mengikut keperluan kata yang digunakan. Alis boleh diangkat. Mulut dimuncungkan, diluaskan dan disempitkan, kalau perlu dijuihkan.

Selain muka, seluruh kepala. Kepala boleh

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

diangguk di bahagian-bahagian yang memerlukan kita mengangguk dalam sajak. Kalau tidak, tak perlulah mengangguk. Kepala digelengkan. Berpaling ke sana ke mari sekiranya teks memerlukan kita berbuat sedemikian seolah-olah mencari-cari sesuatu. Pendek kata, kepala amat penting dalam deklamasi sajak.

Bahu, lengan dan tangan merupakan anggota badan lain yang sangat berfungsi untuk melakukan gaya. Bahu boleh digerakkan ke atas, misalnya tatkala kita melafazkan kata 'mengangkat martabat bangsa'. Gerakan bahu serentak dengan sebutan kata 'mengangkat' akan menyokong makna yang dibawa. Lengan juga demikian. Tangan apatah lagi. Dengan jari yang boleh dituding ke sana ke mari, menepuk-nepuk dada, dilayangkan ke udara, dan sebagainya selaras dengan kata yang sedang dilafazkan. Kedua-dua tangan pula boleh didepangkan, seluas-luasnya. Umumnya, tanganlah yang paling kerap digunakan orang untuk gaya dalam deklamasi.

Namun demikian, apa yang perlu diingat ialah latihan demi latihan penting untuk membantu anda menjadikan gaya lebih natural. Gaya anda akan kelihatan tidak dibuat-buat, tidak diatur-atur, dan tidak dirancang-rancang. Gaya akan sentiasa sebat dengan suara yang dilepaskan.

LIM SWEE TIN

Teknik

Yang dikatakan teknik ialah kostum dan peralatan sokongan. Pada hari ini, penyampaian deklamasi sudah dipelbagaiakan. Ada deklamator yang hanya tampil ke pentas, lantas mendeklamasikan sajaknya. Itu sahaja. Selesai mendeklamasikan sajak, dia pun beredar. Ada yang cerewet memilih kostum yang hendak dipakai. Misalnya, memilih untuk mengenakan pakaian seperti seorang pahlawan, lengkap berkeris bertanjak. Ada yang mengenakan pakaian seragam, contohnyatentera laut.

Akan tetapi, dalam hal ini, yang utama ialah kesesuaian dengan sajak yang hendak dideklamasikan. Wanita selalunya berkebarung, lengkap berselendang dan berperwatakan rapi. Itu sudah memadai. Dan, barangkali tidak salah sekiranya anda memilih songkok berbendera Malaysia, baju dan seluar bermotif sama sebagaimana yang Sudirman Hj. Arshad pernah lakukan dalam satu persembahannya.

Selain itu, ada juga yang membawa gambar ke pentas. Contohnya, potret Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, dan negarawan yang lainnya. Ada yang menggunakan gambar slaid sebagai hiasan di belakang. Ada yang memetik gitar, mengalunkan piano, bermain er-hu, diiringi tarian, orkestra dan berbagai-bagai lagi.

Semua ini akan menjadikan deklamasi kita lebih

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

menarik. Jika ia satu keperluan, anda usahakanlah. Jika tidak, anda sahajalah yang muncul di pentas. Kerana yang penting ialah apakah kita boleh memberikan persembahan deklamasi yang mengangumkan, yang boleh menyampaikan makna yang besar kepada khalayak kita, yang akan dikenang orang sampai bila-bila!

Sungguhpun begitu, perlu diingat supaya elakkanlah daripada membawa peralatan yang membahayakan penonton. Membawa panah ke pentas, dan diacu-acukan pula ke arah penonton tentulah berbahaya, begitu juga bahan-bahan letupan yang boleh mengakibatkan kebakaran!

Beberapa Peringatan Tatalaku Menyampaikan Deklamasi

Suara kita anugerah Tuhan. Jangan risau kalau mendengar deklamator lain tampil dengan suara besar di pentas dan mengangumkan ramai.

Deklamasi itu satu seni. Dengan itu sampaikanlah secara yang berhemah dan terhormat. Jangan menjadikan suasana di dalam dewan bingit, atau hadirin panik

Datang sebagai tetamu yang dihargai. Kenal pasti tempat duduk anda, sekiranya susah untuk ke pentas,

LIM SWE TIN

mohonlah dengan baik kepada pihak urus setia untuk menukar tempat duduk anda. Kenal pasti letak mikrofon. Ada mikrofon yang tidak begitu berfungsi. Cam baik-baik mikrofon yang elok untuk anda gunakan semasa mendeklamasi. Perhatikan tangga. Ada tangga sisi yang sesuai, tangga depan menyebabkan kita menghadapkan belakang kepada tetamu kehormat semasa berjalan ke pentas.

Elakkan daripada memberi ucapan yang panjang lebar sebelum mendeklamasikan sajak. Ingat, anda diundang untuk menyampaikan deklamasi, bukan memberi ucapan. Ada tetamu lain yang diundang untuk menyampaikan ucapan perasmian. Cukup sekadar memberi salam, menyebut judul sajak, dan teruskan tugas anda. Juga, jangan beritahu penonton bahawa anda adalah kali pertama mendeklamasikan sajak dalam hidup ini!

Bawa teks sekiranya anda tidak menghafal sajak. Ia lebih baik daripada tersekat-sekat kerana terlupa di sana sini. Sediakan sebuah fail keras supaya dapat diampu lengan anda dengan baik. Jangan dilipat-lipat teks yang dibawa. Di pentas pula asyik tercari-cari, entail disimpan dalam saku yang mana. Tampillah di pentas sebagai profesional yang siap siaga.

Jangan lupa merakamkan terima kasih, seringkas-ringkasnya kepada khalayak kerana mereka telah memberikan perhatian yang besar kepada anda. Tunduk

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

hormatkh seandainya ada tetamu kehormat, apatah lagi tokoh besar pimpinan negara. Kemudian, pulanglah dengan tertib ke tempat duduk, dan bersalam dengan sesiapa yang menghulurkan tangan tanda ucapan tahniah atas kejayaan anda.

Penutup

Seni deklamasi sebagaimana juga seni-seni yang lain memerlukan komitmen. Kita perlu mempersiapkan diri untuk memberikan persembahan deklamasi yang terbaik. Deklamasi sajak tidak sukar. Ia hanya menuntut perhatian kita, dan menyedari bahawa deklamasi bukan sekadar membaca kata demi kata, dari baris ke baris, dan selesai di titik noktah yang terakhir sajak itu. Seni ini sudah lama bertapak dalam budaya masyarakat kita. Saya difahamkan, tidak banyak negara di dunia yang memiliki tradisi seindah ini, seperti yang kita warisi. Deklamasi puisi popular di Malaysia, dan hampir setiap daripada kita mampu melakukannya. Apabila pem-besar-pembesar negara mendeklamasi sajak sedikit masa dahulu, deklamasi sajak bertambah-tambah popular. Radio dan televisyen juga menjadi pemangkin yang berkesan untuk meletakkan seni deklamasi ke tempat yang tinggi. Sekarang, acara-acara dan majlis sambutan yang besar-besaran sering kali mendahuluikan deklamasi sajak dalam atur cara yang disusun, termasuklah perayaan ulang tahun kemerdekaan negara.

LIM SWEE TIN

LLM SWEE TLN kini merupakan seorang penyair, pengarang cerpen dan novel, dan pengkritik sastera yang penting di Malaysia. Sasterawan kelahiran Kelantan Darul Nairn ini mula berkarya sejak awal tahun 1970 lagi. Karya-karya permulaannya banyak termuat dalam akhbar dan tabloid, serta majalah popular di tanah air.

Beliau boleh dikatakan mula serius berkarya pada pertengahan dan lewat tahun 70-an apabila karya-karya yang berupa puisi mendapat tempat yang baik dalam majalah terkemuka seperti Dewan Sastera. Sejak itu, Lim semakin giat menghasilkan karya meliputi pelbagai genre. Selain itu, beliau terus-terusan menerima pengiktirafan dengan memenangi berbagai-bagai hadiah penulisan. Antara yang terpenting ialah Hadiah Sastera Malaysia, kemudiannya Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Anugerah Puisi Putra IT, dan pada tahun 2000 yang lepas beliau terpilih diberikan Anugerah S.E.A. Write Award di Bangkok, Thailand.

Lim Swee Tin menghasilkan puluhan buku dan kira-kira 100 antologi. Ini menjadikan beliau antara pengarang generasi pelapis yang paling prolifik di tanah air. Karya-karyanya kerap diperkatakan. Manakala, sumbangan dan kegiatan seninya meluas hingga ke rantau Asia Tenggara dan peringkat antarabangsa.

Selain itu, Lim kerap diundang menyampaikan deklamasi sajak di seluruh pelosok tanah air, termasuk

i CAKERA WALA KEMERDEKAAN

TV 1, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) melalui slot deklamasi sajak dan juga beberapa kali pada malam Deklamasi Puisi Angkasapuri. Beliau juga pernah dilantik dalam Jawatankuasa Segmen Seni dan Budaya, RTM oleh Y.B. Datuk Seri Zainuddin Maidin, Menteri Penerangan Malaysia.

Di luar negara, Lim menyampaikan deklamasi di acara-acara penting, antaranya Four Leading Poets from South East Asia, South Bank, London sempena Persidangan ASEM H (1998), Concert for World Peace in Thailand, Bangkok (2001), Taipei World Poetry Reading (2001), Majlis Pembacaan Sajak Untukmu Pattani, Pattani, Thailand (2006), dan banyak lagi.

LIM SWEE TIN

KAMPUNGKAMI

Kami pun duduk
Sambil berbicara
Tentangsebidang tanah ini
Yang kami diamai
Kami namakan ia sebuah kampung
Hanya inikh kampung kami
Tumpahnya darah
Tumpahnya cinta.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

SEJARAH MENGAJAR KITA

Zaman serba pahit itu
Telah kita lewati, sahabatku
Sudah kita susuri
Jalan dan lorongnya
Telah kita rasakan
Pedih dan sakitnya
Peribagaimana
Kaki kebebasan dirantai
Mahkota kemegahan terburai
Kita lalui abad
Dibelenggu
Dan menghadapi nasib
Dengan lidah kelu.

Hari ini
Kita yang bernama
Bangsa merdeka, sahabatku
Lihatlah
Anak-anak kita dengan riangnya
Berkejaran di halaman
Orang muda kita perkasa bekerja
Di kota dan desa
Ayah ibu kita pun
Hirupi angin musim sentosa
Kita pun juga dakapi
Bumi sejahtera.

Kenangkan
Kenangkan kembali
Agungnya Melaka
Kerana hari ini
Kitalah,
Kitalahperwira
Tanah tercinta
Ingat,
Ingatkansemula
Darahperwira
Tun Perak, Bahaman, Mat Kilau
Maharajalela
Kerana hari ini
Kitalah bangsa
Bumimerdeka.

Tidak sahabatku
Tidak mungkin akan berulang
Gelap
Ataugerhana
Langit tanah ini
Kerana zaman serba duka itu
Telah kita lewati
Sudah kita susuri
Jalan dan lorongnya
Telah kita rasakan
Sembilu dan onaknya
Dan sejarah
Tidak pernah akan lupa
Mengajar kita.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

PARAMESWARA (I)

Dia kembalI ke hutan
Persis diburu Siam
Menyusur sungai
Dan bersandar pada sebatang pokok
Tanpa anjing tanpa pelanduk
Hanya seorang panglima
Tiba-tiba muncul dan membawa khabar
Melaka sudah lama hancur.

Kemudian tiba dia
Di hadapan istana
Sepi dan amat lengang
Tanpa betara tanpa hulubalang
Di balairong hanya seorang lelaki tua
Sedang mengesat lantai
Yang penuh dengan darah.

Dia kembali ke hutan
Dengan hati berat dan amat pilu
*"Dirmnak sekalian rakyat beta
mencari perlindungan, atau
tersisih oleh perang"*
Ingin kembali dia ke sana
Membangun semula zaman gemilang
Tapi Melaka bukan lagi
Miliknya.

LIM SWEE TIN

AKANKAH ENGKAU BERKATA

Akankah berkata engkau
Dengan lidah setia
Dengan hatirela
Di sinilah pusaka milikku
Pusaka milikku di sinilah.

Akankah berkata engkau
Tanpa sezarah sangsi
Tanpa secalit ragu
Akulah bernama wargamu
Bernama wargamu akulah.

Khabarkanlah khabarkan
Siapakah lagi
Beranikemuka
Menaburnista
Ininusa
Kalau bukan milik kita
Miliksiapa.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Khabarkanlah khabarkan
Siapakah lagi
Sanggup melebur
Ukir sejarah
Ininusa
Kalau bukan warisan kita
Warisansiapa.
Akankah berkata engkau
Dalam sentosa walau
Dalam sengsara walau
Di sinilah tumpah darahku
Tumpah darahku di sinilah.

DONGENG PURBAKALA

Sesekali kita pun berpaling
Membelek helai dan halaman silam
Sambil memberi tafsir cermat
Teliti menanggap makna
Denyut dan gerak peristiwa
Menariksimpul
Dari himpun dan catat.

Bahawa
Keruntuhan suatu ketika
Adalah kias adalah tamsil yang bersegi
Dituangkan ke acuan renting
Bagai kekeruhan memudarkan pandang
Dalam melihat martabat diri tersungkur
Kelat sejarah melumuri jasad bangsa.

Kita pun tiba pada segala pertanyaan
Mimpikah
Igaukah
Kesetiaan tersandang di bahu Tuah
Robek di telapak nafsu rakus
Kuasa, ketamakan angkuh bertakhta
Merajalela, dan pada suatu dim hari
yang duka itu pun
Menyaksikan suatu bangsa terjajah serta berabad
Lamanya pula sengsara.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Kesetiaan, betapalah kesetiaan itu akar yang
Meneguhkan pohon
Adalah tiang menegakkan rumah
Adalah pancang mengukuhkan tebing
Di kebun keramat ini
Adalah simpul mengejapkan ikatan.

Telah kita susuri jalan penuh onak itu
Seperti sedang saja kita menghela
Nafas menatap esok
Suatu bangsa merdeka yang
Tidak mungkin lagi berpatah undur
Derap kita derap berbunga yakin
Cinta yang kita hembuskan di ubun anak-anak
Menjadi perdu jiwa subur lagi rimbun
Kasih yang kita taburkan ke laman generasi
Menjelma akar kental lagi teguh di rumah
peribadi.

Sesekali kita pun berpaling
Namun dengan renung dan pandang berbeza
Dongeng purbakala lampau dan berbalam
Ah, segala luka ingat kita jadikan kecapi sakti
Nafiri yang menuangkan sedar baru yang berani
Menyelak waktu menjengah terjah di hadapan kita
Menyerlah megah.

GENTA CINTA

Burung-burung hitam itu
biarlah melayang ia, jauh-jauh
ketengahrimba
di sini taman terlalu permai
untuk dititiskan duka
di sini halaman terlalu damai
untuk ditaburkan sengketa.

Tidak akan pernah ada
di sini serpihan-serpihan kaca
sejuta duri menikam
sembiluber bisa
benci dan prasangka
anak-anak kita terlalu muda
untuk menatap apa saja
wajah sengsara.

Kankah sejak silam
telah dicanangkan
genta cinta
peri kita memapahi nasib bersama
menyusur sejarah tak berbeza
dan jalan hidup kita pun
telah diwarnakan sentosa.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Angin liar itu
biarlah menyusup ia
jauh-jauh ke celah akar zaman
di sini bumi terlalu hijau
untuk dicalarkan luka
di sini langit terlalu biru
untuk dipalitkan nestapa.

LIM SWEE TIN

MENCINTAI TANAH INI

Siapakah berani merobek angin musim sentosa ini
Sayapnya menebar jauh hingga ke lereng bukit
dan denai-denai desa
Siapakah berani memancung damai negeri bertuah
ini
Dengan pedang terhunus dendam
berpercikan silau kebencian.

Sejarah pertiwi masih cermat tersimpan
Dalam album purbanya
ngilu hiris cengkam penjajah
Berganti silih
Mencakar sukma ibunda
Hari ini pun terasa lagi akan pedih siatnya.

Degup ingin anak-anak bangsa
Masih kental mengisi mimpi
Membenteng tanah yang sesusuk ini
Dengan harga cinta tak tertawarkan
Dengan anyam kasih tak tercelakan.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Kemerdekaan yang kita genggam bukan kata hiasan
Seperti kedaulatan bukan hanya seuntai slogan
Telah berjanji kita atas nama bumi pusaka
Sepakat rela kita julang menjunjungnya
ke puncak persada.

Marilah kita tentang perobek angin musim sentosa
Hingga luluh sayapnya melayang
ke gurun-gurun yang saujana
Marilah kita lestarikan limpah rahmat
bernafaskan kasih luhur
Dengan jiwa paling bening tunduk dan syukur.

LIM SWEE TIN

TANPA MENYALAHKAN SESIAPA

Di sini mereka hampir telah
Menjadi pohon-pohon tak lagi mengenal
Pada akaraya sendiri. Tetapi
Lebih akrab kepada angin
Yang sentiasa lewat
Disisinya.

Bukan pilihan, namun keasinganlah barangkali
Yangmerelakan
Keakraban itu. Dan, akhirnya
Bila kita tiba-tiba bagaikan terjaga
Dari sebuah igau yang lama
Betapa angin yang liar itu
Hampir meluputkan semua
Daun keyakinan.

Bukan juga oleh keasingan, tetapi
Di tengah hutan peradaban ini
Mereka sebenarnya tak kita kenalkan
Pada nilai-nilai silam
Atau pesan warisan
Zaman ke zaman.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Di sini, barangkali tak wajar
Kita bariskan sekian sesal
Yang lama itu
Adalah lebih bijak
 memulakan kembali tindak
Dengan fakir yang lain
Bagaimakah harus memaafkan kesilapan
Dan kita
Tak perlu menyalahkan
Sesiap lagi.

MEMUNGUT KEMBALI TAHUN-TAHUN TERBAIK ITU

i

Serpihan kaca itu barangkali
Tak bakal lagi menghiris
Sukma sejarah
Darah merah tak menitik
Membasahi batin dan hiba anak bangsa.

ii

Ruangtak mungkin memberi apa-apa
Kerana makna lahir dari teluk kesedaran
Kitajelajahisegenapjantungkebenaran
Menerima segala pada suatu batas rela
Kental di tubuh peribadi kita.

iii

Tahun-tahun terbaik itulah sebenarnya
Cerminan
Berpatuh bukan bererti undur
Seperti cinta yang sentiasa akan benar
Setiap menjengah kita ke padang nostalgia
Mencari segala yang bernama kejernihan
Hingga sirlalah zaman berpalit mendung
membebani.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

IV

Akan kususun semula naskhah kasih luhur ini
Pada rak peradaban memercu cemerlang
Sambil memudarkan semua igau cakaraya bersilang
Di hadapan kita ada zaman
Setia memungut segala pantul
Kita pun senandungkan.

SEMANGAT JUANG

Ini semangat juang
Yang kita tanam
Dalam diri,subur.

Tumbuhkkukuh
Akarnya teguh
Semangat juang kental.

Tak ada undur di sini
Undurlunturkanyakin
Luntur yakin longgarkan wibawa.

Semangat juang ini
Yang kita tanam
Suburlah dalam diri.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

TELAH TIBA KITA

Telah tiba kita
Pada suatu musim yang lain
Tak lagi dilambung nostalgia
Jauh terulit pilu dan tusukan
Tergoda mimpi dan oleng dongengan.

Telah tiba kita
Di pentas zaman yang berbeza
Melempar pergi segala membelenggu
Memadam sekam amarah dan dendam
Tirai riwayat dalam lipat sejarah.

Di sini kita hams berdiri
Di atas taf sir yang lain
Mencongak dengan sifir lebih tepat
Merangka dengan rajah lebih bersilang
Dengan landas baru dan teguh percaya
Mengki wawas serta visi sebuah negara.

Telah tiba kita
Pada suatu tempuh yang menguji
Cinta dan setia seorang warga
Mewarna bentuk dan sketsa bangsa
Era emas 2020 meminta kejap yakin
Menagih kental usaha!

LIM SWEE TIN

SEMANGAT MERDEKA

Kemerdekaan yang kita raih ini
Adalah anugerah
Ia takdir Ilahi
Sambil kita kenangi
insafi
Sejarah bangsa besar lagi dihormati.

Kemerdekaan melalui jalan beranjau
Ingatlah catatan hitam di zaman lampau
Titik keringat
Tumpah darah
Bangsa besar tidak pernah mengalah menyerah!

Pahlawan bangsa datang dan pergi
Pergi dan datang kembali
Membawa perkhabaran suci
Menyuburkan semangat merdeka
Dalam diri dan jiwa warga tercinta.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Merdeka mendegup
menghangatkan darah perjuangan
Merdeka menghidang hirup
nikmat sejulur pembangunan
Merdeka menghalau kerdil rasa
belenggu anak jajahan
Merdeka mewama-warnikan kemakmuran
di bumi gemilang
Merdeka mengintikan erti keberanian
negarawan terbilang.

Marilah kita semarak dan perkukuhkan
semangat merdeka
Hanya dengan menghayati erti sebenamya
kita teguh mengharung duga
Marilah kita kejap dan perkasakan
kesetiaan sejati
Hanya dengan mempercayainya terpaculah kudrat
diri di bawah limpah izin Hahi
Kitapastinanti
akan mengecap janji
kecemerlangan menjulang
mahkota kemerdekaan
dipersadaini.

LIM_SWEE_TIN

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Dapatkan kauduga cakerawala makna
Perpaduankita
Hitunglah bintang berkerKpan
Pautlah angin di padang-padang
Dengarlah hujan di hujung berandamu
Usaplah kepak rama-rama di halaman itu.

Bintang menghantar isyarat bergemerlap
Angin mengalunkan merdunya ikatan
Hujan menyegarkan jiwa dan sukma
Kepak rama-rama mengiaskan lembutnya cinta.

Cakerawala makna perpaduan kita
Membisikkan kasih indah semata
Taburlah bunga di segenap jalan pertemuan
Leburkan resah menghalang keakrabban
Bersamakita:
Sedestinasi tuju searah impian!

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

KALA KUSANGKUTKAN RENDU

Kusangkutkan rindu pada awan berapungan
Bumi tanah airku, ah indah gemilang
Puncak Kinabalu memercikkan sinar kekaguman
Dingin kali di desa sana menggamt ketenangan.

Kugantungkan tabir mimpi di celah pelangi
Udara nyaman sungai tenang, ah sukmaku menyanyi
Liuk rumputan deru ombak seiring di lautan
Anugerah-Mu Tuhan, terlalu agung untuk dilafazkan.

Cintailah milik ini persis kau seorang perindu setia
Usap dan belaianmu menjadi cinta di tanah persada
Makmurkan bumi ini, kelak ia memakmurkan kita
Ibunda kita, kasih terjaga, serlah pesona!

LIM SWEE TIN

WAJAHBUMI

Ketika terbuka bunga-bunga
Wajahburnijelita
Angin yang berpuput
Membawa harum dan segar rasa
Ke serata alam
Dan, kita mendengar merdu nyanyian
senandung kehidupan.

Demikian, bisik lelaki tua itu
Tatkala berdiri di hujung halaman
Usianyayang lanjut mengimbaukan kenang
Ah, alamku adalah anugerah
Indah dan terlalu agung untuk disebutkan
Bayangkan jutaan bintang memagari bulan
Ingatkan ribuan ikan mengelilingi rumput di air
berkaca
Renungkan ratusan rerama melingkari kelopak aneka
warna.

Perlahan-lahan raut alam tercarik
Tangan dan jari kasar mencakar merentap wajah
bumi
Atas nama kemakmuran dan makna hidup sentosa
Liar nafsu dan rakus jiwa mengoyak kulit bernua
Bukit dan gunung-gunung lalu diranapkan
Hutan dan rimba rebah menyembah tanah

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Sungai yang tenang dulu kini tersisih lembah
Dan angin yang mesra dulu pun
kini nanar kehilangan arah.

Ketika kuncup bunga-bunga
Wajah alam pun durja
Ah, abad ini yang menyaksi lapis angkasa
makinmerongga
Di manakah akan berlindung segala hidupan
dan warga zaman muka
Mampukah lagi mereka hadapi survival
sesengit ini
Kaudengarkah jerit dan raung tangis bumi
Kemajuan rupanya hanyalah pisau terhunus
kedadaku
Gerak pembangunan rupanya hanyalah
musuh tercepat di pintu rumahku
Canggih teknologi rupanya hanyalah bom jangka
yang dipasangkan ke tubuhku
Segalanya bakal menjelma puing dan debu
Sambil dengan angkuh berdiri engkau
menyaksi segala keliru.

LIM SWEE TIN

Lelaki tua itu berdiri mendengaraya,
lalu mendongak langit;
Benar, tidak bererti cipta alam ini
Tanpa diteroka dinikmati direbut
khazanahnya isi
Demi peradaban manusia dan sejahtera dunia
Namun, biarlah dengan fikir dan rasa
yang lebih simpati
Biarlah dengan kesedaran dan tindak
yang lebih insani
Seperti seru suatu hari bunga kepada bumi
Di sini marilah bersama kita bina kehidupan
Dalam sebuah persetian yang rela
Demi cinta dan akur kita
Pada janji kewujudan dan cipta.

CAKERA WALAKEMERDEKAAN

PUSAKA UNTUK WARISAN

Masih kami berdiri di sini
Dengan yakin tak surut-surut
Mengerah kudrat, menghimpun tekun merawat
Rumpun belantara yang sekian zaman
Ukiran purba tak ternilai harga
Sedar dan percaya anugerah wujud tercipta.

Ini hutan yang disempurnakan iklim
Setianya abadi menyusun lapis cuaca
Kepada tanah diseliratkan segala akar
Untuk ruang dialirkan berjuta zarah bening
Dipautnya semilir angin dianyamkan sentosa lembah
Diimbangkan rentak musim,
disantunkan gerak dan denyut kehidupan.

Nadi maya berbenih di ruang menakjubkan ini
Kabus rindu mengapung di lurah
dan kehijauan daun-daun
Terhampar hikmah menggetar tasik sukma
Cermynaya yang membiaskan wajah peribadi
Siapakah akhirnya akan menyatakan pesona
Oleh rahsia yang memercikkan cinta manusia.

LIM SWEE TIN

Kami selamanya menggenggam kasih luhur
Ketika asak dan desak, merimaskan,
 tuding dan lempar tohmah nadanya keliru
Peri sewenangnya pohon-pohon ke bumi kami
 rebahkan
Baju alam pun rabak, sempadan rakus
 disentak
Debar dan getar bimbang kerap dan jenuh mengisi
 sidang
Dusta apakah, lihat hutan kami segar masih,
 lihat langit kami biru bersih.

Hari ini siapapun berhak mendakap tiara bangga
 takterperi
Milik mutlak terpelihara, susun landskap
 serbaterjaga
Murni lagi berhemah, ke cakerawala
 usah gusar tebarkan
Tingkah perjuangan yang sepantasnya
 mengisi tegas senandung
Kepadamu generasi, kami pusakakan
 sebuah warisan
Pandai-pandailah hendaknya esok
 engkau pertahankan!

SEMUA MENGALIR

Semuamengalir
sungai
udara
cahaya.
Dimana-mana.

Tebingberceritatentang arusnya
Halus dan lembut
Tenang dan lapang. Damai lagi sentosa
Khabar hidup kita.

Padang berkisah tentang deru
Menyisir. Pagi dan senja, malam
Ke dinihari menghantar bening dan dinginnya
Ke ada yang sedar.

Begitu ruang menyusun lapis-lapis sutera
Aduhai ia merentasi, mengusapi
Jarak yang saujana. Pergi, pulang dan hinggap
Dirambutingat.

Semua mengalir. Santun serta tertib
Menyusur degup nafas
Kita di darah kita.

LIM SWEE TIN

CERITA DARI SEBUAH BERANDA

Ini beranda rumah kita
Angin berkisar di halamannya
Dingin bak sutera, dan jernih sekali
Sejernih sukma datuk tuaku
Dibuai hening petang dari
senandung kesentosaan
Antaranya kelopak-kelopak himbau
dan ingatan.

Setiap kali kusapa matanya berkaca
Tahulah aku dia yang setia
menganyam kelmarin
Kelmarin yang berdebu, sengsara,
kemudian lepas
Merdeka membuka ruang pengisian
Wahai tanah air yang menyanyikan
tembang cinta
Datukku yang tua menyaksikan derita,
ah bahagiannya juga.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Di sana, anak-anaknya sedang
menjengah dunia
Dengan yakin padu keberanian kental
"Tidak mudah", sese kali bisiknya
"menjadi bangsa berani"
Iya, di sana cucu-cucunya sedang pula
menguakkan hari
Disunting akal diukir wawasan pujangga
dan negarawan
Mewarnai bumi teguh, di hati penuh
seluruh.

Ini beranda negeri kita
Hutan dan bulan mempamer
wajahnya cerlang
Datukku menutup kesekian kalinya
album usang
Semerbaklah pesonamengembang
sempurna di sudut kalbu
Mencermin kagum membayang takjub
sejujuranesok
Dirangkul erat kasih aduhai kau
negeri yang dikasih.

LIM SWEE TIN

DI LANTAI TANAH BERBUDIINI

Kita di lantai tanah ini
Tunduk dan mendongak merenung cakerawala
Temui makna serendah rumputan,
dan faham pejal falsafah budi
Berian kita kepada bumi dalam takjub cipta Kau
Ilahi.

Kita pernah menyelami sejarah
Moyang kita yang menderita dalam payah
Bagaimana merebut sekujur tubuh gundah
Ketika detik semakin suntuk untuk berjuang,
Aduhai, kau nusa nan walang.

Puing dan lumut telah menutup gerbang esok
Seloka bangsa lalu dikumandang ke angkasa
Isi perjaungan dengan teguh semangat waja
Selengkung sempadan kembali direbut,
Pusaka jelita terlepas taufan & ribut.

Kita di lantai tanah ini
Mendongak dan tunduk menggenggam cinta
Tahu dan mengerti langit yang dijunjung
Budimu luhur Malaysiaku,
kuseru padamu anak generasi
Tidak mudah berpaling saat negara
ditusuk cuba

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Jangan juga saling menjeling ketika
di sempadan musuh menduga
Himpunlah tenaga raksasamu kerana
kau warisan perkasa
Pertahan keampuhan maruahmu yang tak
mudah dikelabukan mata
Bersama menyanyikan soneta
terindah untuk pusaka tanah.

Kita di lantai tanah ini
Anak-anak generasiku yang
mengenaldiri
Pilihlah untuk menjadi antara mereka
yang mengingat titik asal
Pilihlah untuk menjadi antara mereka
yang menghafal jejak mula
Pilihlah untuk menjadi antara mereka
yang memahami arah haluan
Pilihlah untuk menjadi antara mereka
yang menyedari pijar memerah
Pilihlah untuk menjadi antara mereka
yang menginsafi lafaz sumpah

Kita di persimpangan cabaran,
Cabaran yang meminta tafsirmu dari segala tamsil
Kita di pergentingan perjuangan

LIM SWEE TIN

Perjuangan yang menuntut akurmu dari segala ukur
Kau anak generai yang berjasa
Tambatkan di jiwa raganiu, ini PUSA KAKU
IBUNDA!
Kita di lantai tanah ini
Genggamlah kemerdekaan untuk abadi!!!
Kasihlah tanah ini kerana, ia TANAH IBUMU,
tanah kita selamanya!!!

Kita di lantai tanah ini
Tunduk dan mendongak
mendengar laung kebesaran
Temui makna keringat dan darah
segala pahlawan bangsa di baris hadapan
Padamkan calar faham, lontar jauh hujah keliru,
patahkan helah lembut nista
Siagakan derap seiring perkasa pemimpin yang
memahatkan peta impian nusa
Harumkan kesyukuran kita, pejalikan
ketaqwaan kepada YANG SATU
Malaysaku-Malaysiamu-Malaysia Kita
TANAH ANUGERAH LLAHI, KITA HAMBA
MEMEGANG AMANAH MELETAKNYA
TINGGI,
MEGAHDANMULIA!!!

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

**SAJAK SEORANG BAPA KEPADA
ANAKNYA PADA HARI ULANG
TAHUN KEMERDEKAAN NEGARA**

Anakku,
Inilah tanah air kita
Lima ratus tahun terjajah lamanya
Dari Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun ,dan Inggeris
kembali,
Betapa sengsara para nenek moyang yang
mempertahankan
Yang terkunci suara dan terantai kaki kebebasannya
Menggeliat dalam payah meronta dalam marah
Sebelum Ogos 31 mentari kemerdekaan
membawa sinar yang cerah.

*Ya, inilah tanah air kita
Yang tercinta
Bumi yang memberikan hati
Serta budinya
Kepada kami anak-anak pertiwi yang setia
Walaupun tak merasakan siat
luka dan hiris derita
Kami membaca lembar demi lembar
catatan kepahitan silam
Yang perlahan-lahan meresapkan
sedar ke dasar sukma.*

Anakku,
Ini sejarah perjuangan kita
Yang telah menumpahkan
darah sekalian pahlawan
Yang melahirkan ratusan, malah
ribuan lagi yang bangkit menentang
Air mata bukan
galang gantinya
Sumpah dan setia menjadi
warna panji-panji di puncak menara
Yang dikibarkan atas ukir
kasih kepada bumi ini
Dan, pada detik Ogos 31 ia
menjadi saksi segala pertaruhan
dan anak-anak peribumi.

*Benar,
Tidak mudah perjuangan
pembelaan dari penjajahan
Masih dapat kubanya yang siaga
dan perkasa satria nusa
Yang sudah menggenjur
Mara bererti maruah,
gugur tidak berundur*

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

*Atas nama perjuangan suci
Demi mewariskan sesusur
tanah persada
Kepada kami yang hari ini*

Anakku,
Seperti memerdekaan memberi makna
kepada kemerdekaan itu bukan mudah
Petualang bangsa pencari kesempatan
seringkali menghulurkan tangan-
tangan kasar dan hitam
Segala apa yang indah akan dimusnah,
yang terlaksana akan dinista dengan kata
Tak terkira lempar tuduhan tak tergambar
ertikebencian
Ini Malaysia bumi yang rapuh, kelak mudah
bertukar menjadi neraka
Di sini tiada pemimpin bijaksanayang
selayaknya menerajui negara
Di sini tiada kepastian untuk sesiapa pun
mengecapi makmur dan sentosa!

LIM SWEE TIN

Ya,
*Inilah juga pesan moyangda kepada
kami cucu cicit tercinta*
Lalu tanah ini mesti dipertahankan
Isilah kemerdekaan dan era masa depan
sekalipun dengan kepedihan
Hiruplah angin sejahteranya tanpa
rasa curiga
Berbilang warna kulit, berlainan
anutan agama bukapenghalang
Tiada siapa yang berdaya menghasut
kerana dihati telah kupahatkan
Ini Malaysiaku, sesusuk tanah Indah
pusaka terbilang.

Anakku,

Kini telah 50 kali kita sambut hari
paling bermakna ini
Kibarkanlah bendera kemegahan di seluruh
pelosok halaman hatimu

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Kerana di bahu generasirmilah tanah
beituah ini kelak kaubawakan ke puncak Jaya
Kenangkanlah tangis dan doa saat para negarawan
mengembalikannya ke pangkuan
Kau esok mungkin berdepan api permusuhan,
unggun dendam dan jurang perselisihan
Padamkanlah semua eratkanlah tautan tangan
kerana impiancita kita hanyalah satu
Meletakkan Malaysia di singgahsana cemerlang
sebagai satu negara satu bangsa berpadu.

*Sungguh,
Akan kami semerbakkan nama tanah
bertuah ini, ayahku
Dengan senandung dengan nyanyi
yang semerbak dihati
Atas kesedaran murni kamilah pewaris
yang hak yang multak
Pada garis keinsafan akan erti
sebuah pengorbanan
Maka, pada hari ini, akan kami kenangi
hari ulangtahun kemerdekaan ini
Dmgansemangat sedikitpun tak luntur,
dengan ucap dan segala syukur
Malaysia, akan kami letakkan kau
di petadunia ternama dan masyhur.*

LIM SWEE TIN

WAJAH DAN WADAH PERJUANGAN BANGSA

Wajah perjuangan sucimu,
mengharurni kalbu.
Tercoraklah warna
wadah kebangkitan bangsa,
Melayu pun teguh
gagah perkasa!

Tarikh keramat 10 Mei
Kembali mengimbau
Sejaluran panjang keutulian,
Sebuah lentera sakti
Yang menyuluh jejak perjalanan kami,
Melayu menjadi bangsa dihormat
Mengangkat maruah
Ke mercu daulat!

Dirgahayulah kau U M N O
Sebagai wajah dan wadah,
Kejap menyemati kalbu kami
Di bawah gerbang Hadhari,
Cetusan jiwa Perdana bestari,
Siaga melangkah menggapai misi.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

**PENGHUBUNG
HATI NURANI RAKYAT**

Paling pedih adalah menjadi orang-orang terhina
Kerana kita pernah
Menjadi bangsa besar.
Kita meniti laluan payah
Menuju puncak setelah digelincirkan ke lurah
Di segenap rantau, pelosok dan lembah
Bakyat resah, keluh dan gundah.

U M N O menjadi cermin besar
mengenalkan semula wajah
Kita mula menggenggam yakin
Mengorak langkah
Kita satukan hati nurani
Dalam satu derap melebur peribadi murah
Di pentas politik kita letakkan bangsa
Di persada maruah.

Begitu, perdu kita pupuk
Dahan dan ranting mencabangkan sanggup
Rendangdan teduh U M N O merentangkan tunjuk
Citra dan keagungan bangsa menjadi aspirasi juang
Tak goyak lagi
Kerana penyambung hati nurani ini
Tali yang terpintal dari keringat,
dari darah moyang yang berani!

LIM SWEI TIN

SALAM PERJUANGAN SRIKANDI BANGSA

Tunduk hormat untukmu wanita
Yang sentiasa menyuburkan ladang jiwa
memekarannya cinta yang luhur
Walau kadang-kadang kabut lesu
mengepung harimu
Senyuman mengendurkan resah suami
belaihan menenangkan tidur anak-anak
Tatkala hanyut mereka dalam lembut
renung matamu.

Wanita, telah kami hafal alur sejarahmu
yang panjang
Kau yang sama-sama bangkit dari
liang-liang parut penjajahan
Turut sederap bergandingan mengikut
genderang perjuangan
Bangsa yang sekian abad terantai kaki
dan suara tidak gentar engkau,
tidak mudah berundur tewas
Lalu di dinding sejarah namamu kami
ukirkanemas.

Tunduk hormatku untukmu wanita
Kami yang dewasa dari dodoi
dan bening rindumu

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Kau membekalkan cekal dan berani
tatkala hidup berduri keliru
Pengisian kemerdekaan serta memaknakan
pembangunan rupanya dibeliti
rintangan
Tetapi kami yang pernah kauayunkan
buai senandungkan nyanyi
moyang kejaplah pagar yakin teguh
sungguh benteng keperibadian
Ketika anak-anak generasi siaga
melangkah menempuh cabaran
mengharung gelombang.

Wanita, pertiwi ini amat bertuah
sepanjang zaman tersulam
namamu gemilang
Dari Ibu Zain, Fatimah Hashim,
sehingga kini Tan Sri Aishah Ghani
Semuanya adalah permata bangsa
yang tak terkira harga
Yang menolak kepentingan sendiri
kerana negara harus dibela,
kautinggalkan pesan suci
betapa nusa perlu dijaga

LIM SWE TIN

Air mata bukan galang gantinya
keringat dan darah menjadi sumpah
tiada tukarannya
Dan di perbatasan serba mencabar
kaukorbankan jiwa demi sejahtera
di tanah pusaka.

Wanita, dalam melestarikan kehadiranmu
tak pernah kausempitkan dunia
Kauisi agenda mewarna era baru
merintis kemajuan
Kautaburkan kuntum-kuntum kemakmuran
dalam kerangka kesejahteraan
Manakala, di arena antarabangsa gagah
engkau berdiri lantang menyatakan
kebenaran
Benar, kita negara kecil namun maruah
bukan untuk dipersenda apalah
diperkotak-katikkan.

Wanita, belum sempurna cantuman perca
impihan kita sebagai satu bangsa merdeka
Tugas yang tersandang di bahumu
setelah ini tentunya menuntut bijaksana
yang berganda

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Lihatlah, di sana ada percaturan-percaturan
amat licik lagi menakutkan
Dunia menyaksikan imperialisme *zaman* baru
dengan taring dan rahangnya ternganga
Anak-anak esok tidak betah lagi
dibiarkan terus diulit leka atau setianya
sementara
Lalu di tengah keluarga di anjung
sesusuk persada cananggemakanlah
cintamu mulia.

Tunduk hormatku untukmu wanita
Kerdip bayangan fajar alaf telah
menjenguk di ufuk
Apakah bakal terus bersinar jaya
ataukah angin liar kelak akan
meretakkan cermin sentosa
Pancangkanlah di bumi ini tiang janji
tertambat talinya kejap sekali
Sekalipun hingga ke puncak cakerawala
hulur kasihmu
jangan sampai tergetus ia
Wanita, berikan lagi kasih luhurmu
kerana tanpanya semua
akan hancur menjadi debu.

PUNCAKASPIRASI

Lamanya perjuangan
cukupkah menjadi jawapan
kepada semua pertanyaan
Simpul dan genggam hujah
masihkah tersekat di kerongkongan
pujangga, terperangkap di lidah
Peta perjalanan yang sekian zaman
dibukaan, direntang
Apakah akhirnya hanya suram
dikabuskan jalur
silang-menylang?

Bahasawan yang berduka
terus-terusan menganyam duka
tetapi siapakah berani membuka
balutan melihat hirisannya?
Hirisannya yang bernanah hari
demi hari membuatkan amarah
tetapi siapakah tega membuka
lipatan memeriksa kulit
mimpi mereka?

Masihkah berliku berkerikil
jalan kita, jalan menuju
kepuncak
Mengukir gemilang pusaka moyangda
dalam siaga rancang
dantindak!

CAKRAWALA KEMERDEKAAN

APOLOGI BAHASAKU

Semerbak banggaku saat menelusuri
Zaman ke zaman jejak keramatmu
Demikian kaya malah amat terbilang
Bahasaku yang pernah dipudarkan daulatnya
Pada samar sejarah berabad patah.

Kini tidak lagi kerana di sini bergema genta dahulu
Bahasaku telah menemui wajah yang hilang
Ketika bangsa semula mengepak menggapai mega
Dengan berani kami takhtakan di keemasan persada
Beriring tatang serta pupuk
memulia milik peradaban gemilang.

LIM SWEE TIN

SAYAP ERA

Sejak berabad ia adalah *lingua-franca* yang terhormat
Dari singgahan pesisir demi pesisir
melewati segenap pelabuhan dan tanjung
Mengelilingi pulau dan teluk pintar diguna
sekalian pedagang teguh di jiwa penduduk
Gemeralp seri dalam ceritera dan
timbunan hikayat
La sulaman benang budaya
pancaran budi tinggi
Menyelit indah pemikiran teranyam
inti falsafah terungkap mulia bangsa.

Tiada yang tidak tahu atau mengenalinya
Bahasaku ini terlalu banyak menabur jasa
Di bahunya tersandang peranan
memikul gemilang
Sedia dan rela lahir dari
keikhlasan luhur
Dengan segala rakyat sahaya
serta sang raja di atas takhta
Menjunjungnya mulia di persada
peradaban tamadun nan tercipta.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Di tengah arus *zaman* tak sunyi ia
getir dan cengkam sengsara
Bahasaku namun berdiri yakin
di persimpangan segala rumit
Meronta dari penjara minda menggeliat
menggapai jatidirinya
Gigih membina peribadi mensenyawakan
hasrat dan impian
Bahasaku tak rendah babkan
kian gagah
Dilonjakkan idealisme disemarakkan
nasionalisme mengepakkan sayap
menjengah warga dunia.

Tertunduk hening seketika mengenang payahnya
petjuanganini
Para moyangku adalah perwira
dan pejuang menyalaikan obor
Menolak kepentingan sendiri
kerana maruah harus dibela
Tak menggadai hak dan tak pula
merampas milik sesiapa
Atas nama pengorbanan suci teguh
semangat waja alir darah dan air mata
Bahasaku mesti ditegakkan
ini tanah pusaka kita kejapkan
daulatnya.

Ini zaman serba menuntut
 biarlah berlalu segala nostalgia
 masa purba
Bahasaku bangkit menyempurnakan diri
 menyarung baju modernisasi
 zaman baru
Tak gentar merizahirkan peranan
 tanpa silu melempar pergi
 segala ragu
Pesimistik hanyalah keluhan songsang
 dengusan hanyalah suara kecewa
 orang-orang sombong
Kita berdiri di sini memanifestasikan
 murni cinta kejap menanjam
 kedasar sukma
Kerdillah setia mereka yang tak percaya
 bahasaku cekal membina era
 bakal merentas tujuh
 penjuru benua.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

MEMERDEKAKAN KEMERDEKAAN

Bersediakah kita memerdekakan kemerdekaan
Dari minda terbelenggu
Dari gersang wawasan
Dari kerdiril jiwa anak negeri jajahan.

Bersediakah kita memerdekakan kemerdekaan
Dengan himbau ufuk baru luas saujana
Dengan geledah tafsir baru bernas berani
Dengan gerak minda baru jelas merentas.

Lupakan parut silam
lupakan juga kesumat dendam
Rintis fikir berlapis teroka langkah dinamis
Lupakan nostalgia longlai
lupakan juga mimpi yang berkecaci
Tinjau dimensi yang lebih berdimensi
jengoklah esok yang lebih esok.

Kita masih boleh jika ingin pulang
ke negeri kemerdekaan
Negeri kemerdekaan kita tidak jauh
dari batas sempadan
Batas sempadannya hanyalah
sekepal luluh rasa
Luluh rasa inilah yang menghimpit
menjerat rawat yang terlambat.

Bersedialah kita memerdekakan kemerdekaan
Kemerdekaan yang membawa kita pergi
memercukan gemilang
Kemerdekaan yang memarauhkan kita
sebagai satu bangsa terbilang
Kemerdekaan yang mengangkat martabat
meningkatkan darjat di tanah berdaulat!

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

**IKEBANA DI HARI ULANG TAHUN
KEMERDEKAANMU, MALAYSIA**

Kuhimpunkan cinta
Menjadi tangkaiian bunga
Kugubabkan sebuah ikebana
Hadiahku di hari ulang tahun
kemerdekaaanmu, Malaysiaku.

Kemerdekaan seharusnya dikenang
Kenangan akan mengingatkan kita
Peritnya menjadi bangsa terajah
Bangsa yang hasrat dan mimpinya
pernah patah serta punah.

Kuhimpunkan semua
Bunga dari desa dari kota
Di taman dan dari lembah gunung-gunung
Kerana pernyataan cinta harus lebih
indah dan agung!

Kelopak bunga suci
Jernih lagi murni
Ke serata menebarkan harum
Seperti kasih kita kepada ibu peritiwi,
sejak berabad, berkurun!

LIM SWEE TIN

Kemerdekaan wajar menjadi milik kita
yang abadi
Kesetiaanlah yang akan memastikan segalanya
terjadi
Jangan dicalar pipi bangsa dengan curiga
dan nista
Kita kelak akan berhelah tiada yang menang
melainkan tewas kalah!

Ikebana ini untukmu tanah airku
di hari ulang tahun yang dirindui
Kugubah dengan kasihku
abadi
Kuirangi dengan merdu nyanyiku
tak terperi
Kepadamu Malaysiaku, aku anak negeri,
dengan jiwa raga,
kau kukasihi!

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

**DERU ANGIN OGOS & CERITERA
LELAKI PERJUANGAN**

Sejak dahulu laungan itu sudah sering digemakan orang ketika setiap kali menderunya angin Ogos. Ogos yang membawa perkhabaran merdeka untuk sebuah negara merdeka yang disendungkannya. Kemerdekaan yang telah memberi segala nikmat kemerdekaan Hanya sesekali di antara riuh dan meriah ulang tahun kemerdekaan kita pun sekonyong-konyong bertanya :Lelaki tua itu dimana?"

Aku namun
tak pernah menyimpan sesal
sekali pun kakiku menyeret
parut-parut silam
di negara yang permai
di tengah kehidupan segala damai
aku mendengar setiap Ogos
sorak-sorai tak terperikan
kautahu ada detiknya ia menggempita
dan aku pun merenung kelmarin
kelmarinku tak terhitungkan
kerana ia bernama kebencian
kebencian itu lalu berdarah
darah itu kemudiannya bernanah
kerana lebih empat abad moyang kita merintih
payah

LIM SWEE TIN

payah ini kadang-kadang membakar
ia membakar mimpiku
wajah bangsa demikian lama tercalar
calarya memercikkan luka
luka itu lalu berdarah
darah itu kemudianya bernanah
kembalikan aku milikku
berikan aku malam ini ketenangan
dengan ketenangan akan kumaknai
gema sorak-sorai ini bersamamu malam ini.

*Iya, dia pernah meredah belantara
dia pernah mengadai hak dan maruah atas nama perjuangan
dia pernah memadamkan hidupnya atas nama perjuangan,
dan ketika orang meluangkan di mana-mana 'MERDEKA'
kautaku dia sendiri di lorong usang pengap dan berdebu,
bertanya Kemerdekaan itu ertinya apa?*

Bayangkan seorang tua aku
bernama perjuangan
getirnya tak tercatatkan
di mana-mana buku peringatan
lama sejarah pun tak mampu meriwayatkan
kau anak generasi aku lelaki tua
malam ini jauh-jauh seperti kudengar lagi
sorak-sorai yang jauh
di sana gema laung merdeka itu

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

bergema sekali di sana
ia membawa aku ke malam yang gelisah
jangan kaupadamkan lampu-lampuku
kerana kau tak akan lagi mengenalku
seorang lelaki tua bernama perjuangan
maafkan sesekali aku pun bertanya
kemerdekaan itu ertinya apa
angin Ogos kembali menderu
menghamparkan selautan harum kesturi
ke segenap ruang laman bumi
bumi yang setiap Ogos menyanyikan lagu
peringatan
peringatan yang membawa utus kemerdekaan
jangan kaupudarkan zat kemerdekaan
sekalipun waktu-waktunya kutahu
telah kausuramkan.

*Dirikanlah panji-panji itu atas nama kemerdekaan.
Kemerdekaan kelak akan membunuh segala kesangsian.
Hembuskanlah deru angin kemerdekaan ini kesegenap ruang
Ruang ini kelak akan penuh terisi garis-garis pelangi
kesephteraan. Nyalakanobar makna kemerdekaan kesetiap
rongga rasa warga. Makna ini akan memercikkan
Cinta kita yang tulus untuk tanah yang tercinta*

Dan, ketika perlahan-lahan
Kulabuhkan dudukku di birai rumah diri

LIM SWEE TIN

Malam diselubungi kabus malam
Aduhai rumah diri yang pernah menyimpan
Kenangan tak terpadamkan
Bagaimanakah mungkin dapat kupadamkan
Kalau aku sendiri yang bernama perjuangan
Apakah tidak mungkin berputik semula
 pucuk-pucuk sedar
Sedar itulah yang kelak memercikkan faham
Jangan kaukaburkan faham
Faham ini akan menemukanmu kembang
 mimpi
Aduhai mimpi dari saujana padang mimpi
Genggamlah mimpi ini tak terlepasan lagi.

Bayangkan seorang lelaki tua aku
Yang bernama perjuangan
Angin Ogos kembali menderu
Menderu ke segenap ruang bumi
Bumi yang setiap Ogos menyanyikan lagu
 peringatan
Peringatan yang membawa utus kemerdekaan
Malam ini jauh-jauh seperti kudengar lagi di
 sana jauh-jauh

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Bergetar suara memanggil-manggil namaku
Suara itu parau oleh rusuhnya terlalu
Rusuh itulah yang menyalaikan api amarah
Amarah lalu memarakkan pekat kebencian
Kebencian menjalar dalam nafas dendam
Dendam berhimpun dalam percik darah
Darah itulah yang kemudiannya bernanah
Nanah itu memulangkan aku dari pergi
Berikanlah malam kepada aku ketenangan
Dengan ketenangan berderulah angin kecintaan
Kecintaan pasti terukir indah
Di gapura kemerdekaan.

Ingatku
Dan, serikanlah tanah air ini dengan warna
kecintaanmu.

WARGA MALAYSIA

Menjadi wargamu Malaysia adalah
Menjadi warga yang tahu pulang
setelah bertandang
Memilih kembali dan masih pandai
menghitung bintang-bintang
Mengagum hembusan angin dan
dinginnya air di kali peribadi
Tak janggal bersila di beranda
budaya bangsa
Mengharga dan mengasihi tanah ini
sebagai yang abadi.

Inilah jalan ke negeri yang merdeka
Lemparkan keliru semerbakkan cinta
Lontarkan ragu semarakkan setia
Kebencian bukan bunga-bunga
Dendam juga bukan nyanyian
Malaysia, menerima mu adalah
memahatkan kerinduan.

Menjadi wargamu Malaysia adalah
Menjadi warga yang faham dan
betah menghafal jalur sejarahmu
Kenangi kesabaran seorang Parameswara
yang menggembangkan
sebuah kerajaan

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Tak melupa detik-detik serba getir
ketika kebebasan kita terpasung
lamanya ratusan tahun
Apa-apa sahaja atas nama harga diri
tergadai
Dan, duka yang terhunjam kita menatap
serpihan mimpi para moyang
yang berkecai.

Jenguklah dengan percaya ke ruang
rumah merdeka kita
Siapakah mencalarnya dengan petah
lidah dan hujah
Mengapakah berpaling ketika ia direjam
asakan rentapnya lain
Apakah isi suratmu tatkala negara
digelumangkan duga
Tingkap malammu benarkah kaubuka
untuk rama-rama
Ak u hanya memilih sekujur ini dalam
sengsara walau dan
sejahteranya juga.

LIM SWEE TIN

Menjadi wargamu Malaysia adalah
Menjadi warga yang pantas
mentafsir pedaya serta helah
Sekilas sisik asing terpancar
makna yang dikirim
Belajarlah bagaimana tak mudah
dipukau metafora mencurah
Pahit keringat dan hangat darah
di monumen seakan baharu saja tumpah
Kita masih di hutan perjuangan
jaraknya sejaui ikrar dan sumpah.

Menjadi wargamu Malaysia adalah
Menjadi warga yang kenal
sempadan kemerdekaannya.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

WARKAH WARGA MERDEKA

Angin Ogos menderu lagi
Membawa perkhabaran indah mereka
Tentang kemerdekaan
Malam melabuhkan tirai penjajahan
lebih empat dekad
Dibelenggu penjajahan
Malam membuka lembaran baru
sinar gemilang
Ke serata bumi tanah air gemilang
Bernama kemerdekaan.

Kemerdekaan yang kita raih ini
Tidak semudah mimpi yang datang
Bersama jaluran mimpi
Para moyang kita telah menyerahkan pengorbanan
Tak terperikan pengorbanan
Mereka padamkan harga kehidupan
Begitu mahal harganya
Demi sebuah perjuangan.

LIM SWEE TIN

Angin Ogos menderu dan menderu lagi
Makmur dan sentosa menyelubungi
 segenap ruang laman tanah air
Telah kita saksikan betapa
 kembang-kembang mekar
Serta mengharum
Kita pun hirupi segala nikmat bertebaran, dari
 pesisir
Dari perlembahan dan gunung-ganang
Kita dakapi musim sejahtera dalam limpah
Segala sejahtera.

O, tanah air yang menyanyikan cinta abadi
Kecintaan yang tumbuh bersama percik keringat
Bersama alir darah
Lihatlah kesegalaan yang segala
Lihatlah beri dan anugerah tak terhingga
Himpun milik di sajana laut timbun khazanah
Di subur tanah teroka jaya di luas angkasa
Terbilang sungguh negarawan yang mengilhamkan
Menghulur pimpinan.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Sesekali di bumi damai ada singgah yang gundah
Ada sanggah yang payah
Loniar kaia keliru makna membukaikan curiga
Warga pun bertanya
Ini wilayah kebencian jangan hampiri wilayah
kebencian
Kebencian hanya akan menggerhanakan rindu
Padamkanlah kebencian seperti moyang kita yang
Memadamkan unggul penjajahan yang kemudian
Membentuk kerinduan.

O angin Ogos yang menderu, menderu lagi
membawa
Senandung membawa nyanyi
Nyanyikanlah kesetiaanmu
Kerana hari ini telah bernama warga kau
Beri ranummu seranum kasih
Untuk negara yang telah kaujanjikan kasih
Gerakkan dengan penuh siaga lengkap siaga derap
Langkah wira segagah perwira
Dalam genggam kejap sebuah kata: M E R D E K A !

LIM SWEE TIN

SAJAK SEORANG WARGA KECtL

Selamat, selamatlah Malaysia
Atas nama tanah air merdeka
Dan, aku seorang rakyat kecil
Yang setia menghafal
Dengan cermat sejarahmu
Diajar menganyam sifat warga
Tak berbelah bahagi
Akur pada pepatah di mana langit dijunjung
Terasuh oleh engkau
Yang banyak memberi
Untuk sentiasa patuh
Dan sepantasnya berterima kasih.

Selamat, selamatlah Malaysia
Engkau yang berkurun menahan duga
Dan sengsara
Menyeret langkah dengan kaki terikat
Adalah detik-detik pahit lagi sukar
Demi sebuah survival
Tak rela tersungkur di noktah terluka
Demi sebuah warisan untuk anak generasi
Engkau kini meletak diri
Dari titisan air mata dan darah para pahlawanmu
Dengan maruah tak tergadaikan.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Selamat, selamatlah Malaysia
Atas nama tanah air tercinta
Dan, aku seorang rakyat kecil
Namun menggenggam kasih tak
pernah surut hangatnya
Lihatlah, tatkala di sana
Ada orang mengatur nasib jutaan
umat seperti permainan
Di sini langit dan bumi kita bermandi
sentosa
Lihatlah, tatkala di sana ada orang-orang
dikunci bicaranya
Dirantai kaki kebebasannya
Malahan melahirkan zuriat pun
Telah ditentukan angkanya
Apakah masih bukan engkau
Yang terbaik.

Selamat, selamatlah Malaysia
Atas nama bumi keramat
Dan, aku seorang rakyat kecil
Sisipkanlah nestapa zaman itu ke dalam
lipat sejarahmu

LIM SWEE TIN

Yang kaulewati bahagia deritanya
Saat-saat keras teruji
Dan, kemenangan bertinta emas
Masih ada aliran waktu
Yang jauh untuk kita tempuh bersama
Maka, maafkanlah
Aku yang pernah bermimpi
Sekujur tubuhmu terbakar
Namun, dari kapal penyelamat di tengah lautan
Aku semula merenangi samudera
Pulang, relaku hangus bersamamu!

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

MAKNA KEMERDEKAAN

Kemerdekaan itu apa?

Adakah cumajeritan keramat 31Ogos, atau
Turunnya bendera penjajah di malam bersejarah
Kembalinya pemerintahan yang terlepas lebih
Empat abad di genggaman, ataupun
Hanya satu kata untuk dilaungjeritkan!

Kita masih berkelahi tentang sistem pentadbiran
negara
Bangsa kita masih bercelaru tentang banyak perkara
Di desa ada yang hidup dalam payah dan ronta
Di kota-kota tak kurang yang keliru apakah
Ini negara mereka?

Ada orang di podium yang seharusnya telah
sempurna
Pidato dan kata
Masih bercakap dengan frasa dan ayat
Kabur wacananya
Isu remeh gossip temeh 45 tahun tak selesai-selesai
Yang ringan menjadi berat, yang berat kian
menyendat
Telah ke manakah adab berbincang
Budaya bermuafakat?

LIM SWEE TIN

Kerana itu, kemerdekaan itu apa?

Cukupkah dengan pertandingan mewarna
Poster dan bendera
Atau, lukisan komik tentang bagaimana kita
Merebut negara
Apakah cuma seruan-seruan anak generasi segera
Mengisi kemerdekaan
Sedang mereka dikaburkan makna
Dicelarukan erti pada petaknya bersegi-segi
Empat puluh lima tahun masih kita
Dibelit fakir yang sempit
Orang menabur ragu hampir di setiap
Simpang dan halaman
Ah, kalau demikian kemerdekaan hanya luah hiasan
Dimulut-mulut
Sementara hati kita terkepung ragu, curiga, serabut
Dan berkabut.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Lalu, kemerdekaan itu apa?

Barangkali kemerdekaan cumalah sekeping potret
Menghias dengan megah di buku-buku sekolah
Sepatah kata yang kemudian diajar kepada anak-anak
Masih mentah
Sedang hati kita kian lama kian parah lukanya
Berdarah!
Kita telah terlalu banyak dimomok-momokkan
Yang benar sekarang telah menjadi lakon dan
sandiwaras
Kita runtuhkan semua pagar manakah benar
Manakah pura-pura
Agenda bangsa yang lurus kini mula bersimpang-siur
Dalam retorik dan *lahirin* yang rumit.

Kita kadang-kadang angkuh amat
Kerana tidak bersedia untuk pulang
Kita ada rumah tetapi lebih suka bertandang
Suka menumpang
Kita ada pangkalan diri tetapi lebih selesa
Berteduh di pelabuhan orang
Keliru pun membelit kita tak lagi dapat
membezakan
Pejuang dan petualang, antara aspirasi bangsa
Dan kejahanan orang!

Seungguhnya kemerdekaan itu apa?

Kemerdekaan adakah arahan supaya dikibarkan
bendera
Secara paksa
Hiaskan baju dan topi dengan segala kata
Berwarna patriotisme
Parlimen kita sejak dahulu lebih riuh
Di warung-warung kopitiam di tepi-tepi jalan
Dan dengan sewenang kemudian dicorakkan sendiri
Akta dan undang-undang.

Rumah merdeka kita sebetulnya masih jauh
Kalau begitu
Masih sayup oleh noda oleh dosa kita
Terhadap tanah tercinta
Kita pinjam lidah seberang kerana itulah
jalan mudah kita
Runtuhkan segala dinding
kepercayaan
Kita koyak kita rabakkan baju kebenaran
atas nama
Satu kebangkitan yang sengaja kita dustakan.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Ah, kemerdekaan, kemerdekaan,kemerdekaan!

Kemerdekaan adakah acungan tangan yang saban
tahun
Kita ulang-ulang
Kemudian kita biarkan ia cair di karpet lusuh yang
Perlahan-lahan pula kita gulungkan
Selebihnya barangkali juga sebuah piala
Bagi *satu golftournament*
Sebagai tanda sebagai bukti Malaysia sebuah negara
Megah lagi moden.

Kita akhirnya perlu tiba di titik pilihan
Apakah masih mahu bermain dengan pelbagai teka
Atau sesat di petak silang kata
Kita harus berdiri di hadapan cermin besar yang lain
Menilik tubuh peribadi sambil dengan tulus bertanya
Telah terbayarkah oleh kita segala hutang sejarah
Hutang kita kepada tanah
Pesaka terindah!

AKANKAH MEREKA KE SANA

Mereka berkuda ke suatu tempat yang jauh
Meninggalkan keluh kesah dan hinggar-binggar suara
manusia

Mereka disambut tenang gunung, hening rimba
Pancuran air kasih sayang di batu-batu
Dan aroma angin tak terhingga dari segenap
penjuru.

Lalu tibalah mereka di padang lapang
Kerana hidup masih banyak perburuan
Mimpikan fajar bersih, nyanyian-nyanyian manis
Padukan kudrat, meniti jernih menggenggam
rahmat
Fitrah insan dalam syukur dan keredhaan.

Kemudian bermulalah pertemuan
Kata disusun dengan cermat
Kias dan sindir dibiarkan sedikit
Tulus melurus denai dan jalan ke hujung terowong
Terowong berbelit lama membeliti nasib tak
terhitung.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Mereka melihat rama-rama bersatu
Mereka mendengar lebah-lebah berlagu
Mereka memaut lalang-lalang memanjang
Mereka mendongak bintang-bintang gemerlap
Mereka mengusap bilah-bilah malam merapat
Mereka tunduk menyeka air mata yang pekat.

Akankah mereka ke sana!

LIM SWEE TIN

MARI CIPTA JALAN PERDAMAIAIN

Mari cipta jalan perdamaian
Jalan perdamaian yang memadam bara permusuhan
Permusuhan telah lama membakar sukma kita
Sukma kita sekian waktu ini menitiskan darah pedih
Kita tak mungkin lagi membiarkan pedih.

Mari cipta jalan perdamaian
Jalan perdamaian yang meluntur karat kesakitan
Kesakitan telah lama mengaburi kalbu kita
Kalbu kita sekian waktu ini memutarkan rebut keliru
Kita tak mampu lagi membiarkan keliru.

Peralihan musim pantas dan menguji
Kita perlu melangkah
Dengan paradigma baru lebih hakiki
Tinggalkan kepompong usang sempit tak bermakna
Jenguk cakerawala luas, congak tamadun deras
Pampangkan arus gerak dalam satu derap serentak.

Tanah tercinta minta dilerai rantai membelit
Belitannya telah sekian zaman menggerhanakan langit
Telah gerhana langit persaudaraan kita
Marilah cipta jalan perdamaian
Jalan perdamaian yang mengharum kelopak rasa
Mewangi, kekal menerangi sesusur tanah tercinta.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

DI HALAMAN

Berabad telah halaman ini kami cipta
Penuh bunga. Kami himpukkan wangi cinta
Dari angin pagi menyuntingnya di rambut,
Mimpi dan perjalanan anak-anak kami,
mereka berlari
Bermain semahunya berabad lamanya.

Kecuali, suatu pagi di mana-mana kami melihat
Seriyan kaca bertaburan tajamnya bakal menusuk
Kaki, jari dan meluka hati anak-anak kami, ah
Tangan-tangan kasar siapakah itu yang berani
Sungguh menaburnya.

KEBULATAN

Kerana percaya
Kebulatan itu harus bulat
Kami pun duduk
Ditengah ruang
Menyatuakal
Serta muafakat.

Amatfahamlah
Sekarang
Mengapa kami sering
Bimbangkan retak
Dan risaukan belah.

Lalu akan selamanya
Kami yakin
Di dalam kebulatan itu
Teranyamlah sempurna
Dalam kami mengatur perjalanan
Meraih sentosa.

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

**SIMFONIKU,
SIMFONI SEBUAH MENARA
- *pada hari ulang tahun ke-10*
*Menara Kuala Lurnpur***

Angin halus menderu melilit melintas
di hujung keningku
Ketika perkasa berdiri aku menjulang
sebuah cipta
Di hujung pandangku barisan bukit-bukit
dan sungai berliku
La mensepadankan sejajaran zaman,
parut luka dahulu
dan jernih sejalur rindu
Aku-katamu,
anugerah indah dari titipan
zaman dan waktu.

Hujan sese kali berbintik di kaca
kujenguk di luar keriuhan
Kota segala terbilang yang melengkap sempurnakan
erti sebuah pembangunan
Permai dan gagah aku ingin sama memercukan
puncak gemilang
Pada ketika kauhantar wajahku ke segenap
destinasi perjalanan

Aku-katamu,
siaga sekali memancarkan citra,
menjadi sebut-sebutan.

Aduhai, awan berkelilingan di pipi
dan dagu malam
Dingin di dahiku seperti hasrat dan mimpi
bermusim dianyamkan
Lngin sungguh semerdunya kualunkan
senandung simponi rahmat Tuhan
Bersyukur oleh daya dan upaya mengisi
peta dan makna persinggahan
Seringkali - katamu,
dikisahkan penuh asyik sekalian
pelancong itu yang pulang.

Seperti pelangi melingkar di bahu, detik ini
dan sejak semula adalah pesona
Begini kuusap fajar tercantik yang mengilaukan
sepotong cermin langit
Tanah air ini tak pernah lupa menjanjikan
kemakmurannya yang penuh
Berdiri aku menjadi saksi setia sesekali
sama menggubah nyanyi
Ingin amatlah bersama aku memeriahkan
deru itu tatkala menatap
birunya lazuardi.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

A h , senja berbalam sekilas lalu membisikkan
khabar rupanya
sedasawarsa sudah usia
Masih manis amat sebening bintang-bintang itu
getar jiwa seniman dan negarawan yang
merealitikan impian
Lalu melambunglah degup hadirku
menerawang ke seluruh wilayah
&benua yang saujana
A k u yang kauberikan nama, ingin akrab
di setiap hati warga,
ingin abadi di setiap untaian masa
Simpanlah hatiku di bawah
teduh bayang-bayang kasihmu,
iya, kalau ada di sini secalit kecil
jasaku.

LIM SWEI TIN

KOTA KITA KOTA CINTA - *untukmu KualaLumpurku*

Inilah kota impian
Kota yang lahir dari sejaluran sejarah
takterperikan
Yang pernah menyaksikan sorak-sorai dan
cucuran air mata
Meniti jalanan penuh berduri
Dan bangkit memertabatkan hasrat bangsa
berdaulat.

Ini kota kita
Kota yang dibangunkan dari cinta
pemimpin kental jiwa
Memercukan maruah meletak ingin
dan cita-cita
Seupaya daya memacu maju pantas
Tercipta gagasan inti akal
serlahkan wilayah.

Wilayah Persekutuan wilayah kita
Mengisi susun menginti rencana
menspektrakan jaya
Negarawan dan teknokrat jangkaukan
wawasan

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Dalam arus perlumbaan
Janakan waja tenaga loloskan diri
berani jejaki era teruji
Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
Pancarkan yakin lonjakkan identiti.

Kota cinta ini kota impian kita
Kota dalam taman kota warga terbilang
Kota teknologi pintar kota acuan kepemimpinan
Kota model ikutan memaut kagum dan kerinduan
Kini berdiri segak lagi megah
Di pentas antarabangsa memanifestasikan gemilang.

Inilah kota impian kita kota sejahtera
Kota yang menafaskan kita dalam alir sarafnya
Kota yang mengajar kita cekal gagah
Tak mudah mengalah
Kejap menggenggam akar budi
Cermat menyarung baju modenisasi
Hari ini siaga dan perkasa setinggi dan setara
Kosmopolitan dunia.

LIM SWEE TIN

Inilah kota kita kota cinta
Kota limpahan nikmat dan kurnia
Kota yang menawarkan damai
Menganugerahkan jaya
Seperti kasih kita kepadanya, kota ini juga akan
Menyayangi kita
Nyanyikanlah senandung kesyukuran ini
Sekali lagi, dan selama-lamanya.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

MERENTASI SEJARAH

Tidak terhitung rakam dan catat sejarah
Kaulakarkan
Berganti tahun bukan sebentar
 usia budi dan perjuangan
Mimpi yang lahir dari sejaluran
 keinginan kental
Kenyataan dan tuntutan menabiri
 kelabu zaman
Memercikkan akhirnya sinar
 kemegahan.

Alir peristiwa
Terjah debar
Mengisi langkah matangmu
Belit uji
Tusuk rintang
Mewarnai wadah jagatmu
Lingkar pelangi
Kerlip bintang-bintang
Mengalungi julang capaimu.

LIM SWEE TIN

Berdiri aku di lamanmu semula membuka
Lipatan jejak kauper maikan
Himpun bakti susur peristiwa isi agenda
Telah tertib kaulestarikan
Benih cinta yang kautaburkan berbunga sudah
Pohonnya rendang sekali
Serata pelosok gemilang namamu
Disebut dan dirindui
Dan, hari ini berhak kau menerima puji
Serta sanjung yang tinggi.

Dari dua kuala
Tersenyum kini
Kuala Lumpur memercikkan pesona
Di tengah teduhan teluk
Menjulang hari ini
Labuan pulau destinasi serantau
Di anjung belantara terbentang
Tersergam sekarang
Putrajaya kota pintar masa hadapan.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Inti nilai
Cermat kaujarkan
Wargamu bijak mencantum faham,
Alir peristiwa
Memaknakan budaya
Wargamu saksama menghimpun ukuran,
Tautan asuh
Tekun kauanyamkan
Wargamu sejiwa mengukir peradaban.

Tidak terhitung rakam dan catat sejarah
Kaulakarkan
Tidak terperi segala di sini piala kemenangan
Kaujulangkan
Keberanianlah kukira yang memungkinkan semua
Padukan kekuatan rapatkan keakraban
Tunjangkan keyakinan
Di peat dunia terakam nama rentasi waktu
Zaman ke zaman.

LIM SWEE TIN

MEMBACA CERITERA MEMERIKSA AKSARA LIRIK CINTA WILAYAH KITA

Inilah ufuk baru yang bertabir di layar sejarah
Setelah membaca helai demi helai catatan terukir
Ia persis sebuah sungai jernih berzaman mengalir
Membawa ceritera dari tebing ke tebing waktu
Mensenandungkan cinta yang lahir dari deretan
mimpi
Mensenyawakan hasrat warga dalam satu paduan rasa
Kegemilanganlah akhirnya arah dan terowong tuju
kita.

Lalu terbinalah sebuah wilayah menjalurkan
bangga dan megah
Yang mengacuakan dirinya dalam nafas yakin
kental bertingkah payah
Harap yang dibangunkan menjadi timbunan
marmar perjuangan
Lelah dan gundah dikunyah lumat sukar
dan calar pengukuh kudrat
Berserilah wilayah loloskan diri
memercukan duduk di birai waktu
Dalam peralihan tahun ke tahun pantas
engkau dewasakan tampilmu
Mencipta watak merapikan keperibadian
meraut kematangan.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Demikian kebangkitan mencitrakan
wilayah kita
Wilayah ini perlahan-lahan meninggalkan
pesimismenya
Ia tak lagi mengenal putus asa
atau kecewa
Geraknya adalah gerak
ke hadapan
Momentumnya adalah momentum
deras dan pantas
Ia pun pintar merawat luka silam
mencorakkan era dari selirat kekusutan
Jauh di luar buai ilusi warganya dipacu
ke zaman realiti melihat nyata yang terang.

Maka wilayah ini kini kembali
membaca ceritera, kembali
memersika susun aksara
Kerana tak akan bererti semua
kegemilangan kiranya jiwa
luluh berderai
Biar di bumi teguh akar mencengkam
bumi tatkala di tinggi bintang
capai tangan dicapai

LIM SWEE TIN

Kita bina warga berkualiti warga
berbudi warga berjatidiri
berani pula dalam persaingan
Kita bentuk murni citra sejernili budaya
seasyik sanjungan setara
warga dunia seberang
Biar apa pun mengalir ke sini,
warisan kita pertahan,
keaslian tak kita korbankan
Terbangunlah akhirnya wilayah
yang gemilang, terpetalah
kemudiannya kota keagungan.

Inilah dinamika yang mewarnai
minda barisan pimpinan kita
Ketika arus demi arus mengasak
menyesak wilayah ini pantas
memperkasa bentengnya
Mereka gembleng minda dan akal
kerana mempercayai acuan sendiri
Wilayah yang terbudaya kejap akar tradisi
tidak mungkin dibiar hanyut arus globalisasi
Tak menolak pemodenan malah
menyempurnakannya dalam
amal dan tindakan

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Segala teknologi dijana segala formula
dilaksana
menjadi pemangkin bermakna
Sehingga wilayah memuncak ternama
melakarkan kemasyhuran
ke segenap buana.

Jangan diundur langkah siaga ini
wahai wilayahku wilayah cinta
Kita sepadukan lagi segenap kekuatan
yang telah sedia mengukuhkan:
kerencaman etnik
kematangan berpolitik
kepelbagaian budaya
kehalusan bertoleransi
keteguhan patriotisme
keampuhan nasionalisme
dan, murninya kebebasan beragama
Kita satu dalam kesatuan,
kita serata mencipta keperkasaan,
kita julang zaman gemilang

LIM SWEE TIN

Serentaklah kita bergerak
dengan fikir kerangkanya optimisme
Kuala Lumpur mencorak wajah negara,
Labuan contoh dinamisme pembangunan
pesisiran terkemuka, Putrajaya kota
model kesempurnaan dan
keseimbangannya
Segalanya menjadi lirik terbaik,
dari kasih yang tidak pernah tercarik,
untuk mu wilayahku
wilayah cinta.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

KLTAGLOKAL

Kita warga jagat ini
Berbilion menghuni tujuh benua
Mengejar kehidupan penuh makna
Tanpa mengira di mana berada.

Manusia melata dari lembah ke gunung
Saban tahun meningkatkan hitung
Kemajuan dianjak teknologi diperkasakan
Mencitakan makmur Barat, Utara, Selatan dan Timur.

Sambutlah kelahiran sekecil cornel itu
Mereka pewaris tamadun dan peradaban kita
Di Afrika sana, atau saja Alaska,
di Jepun mahupun India
Kita warga jagat ini, warnakan zaman
dengan cinta dan sejahtera.

DI PUNCAK BUKTI

1

Kejayaan sebenarnya bermula dari doa
Ia terbetik di jiwa yang mekar
Kemudian ranum dalam pautan ingin
yang kental
Subur dan rendang di padang perjuangan
kukuh dan padu.

Kejayaan itu bertitik dari puput angin harap
Ia menggaris di peta indah bernama hasrat
Lalu terukirlah gerak dan alun
berwarna keyakinan
Memacu di tebing harap
bernama pendakian.

2

Pendakian ini meminta tumpu yang penuh
Kita kumpulkan setiap kekuatan
Kita wajakan seluruh tenaga terdaya
Kita lontar jauh layu dan longlai upaya.

Pendakian ini menuntut perancangan yang lengkap
Tidak mungkin dengan hanya mimpi dan kata
Jauh lagi kalau sekadar mengumpul jalur warna
Benar, berseri pelangi, tetapi dijangkau tak tercapai.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

3

Jika begitu, merangka laluan lebih bijaksana
Kita tahu manakah jalan bertaburan duri
Kita tahu manakah lorong kerikilnya menikam kaki
Kita pun tahu manakah taman bertebaran wangi.

Bayangkan wangi dari sebuah taman yang permai
Taman itulah yang dinamakan kecemerlangan
Tetapi kecemerlangan semata belum tentu
cukup bermakna
Bukankah perjuangan kita adalah untuk
sebuah kegemilangan.

4

Aku ingin berdiri di tebing tinggi itu
bernama kegemilangan
Di mana aku dapat melihat keringat
dan peluhku memberi erti
Di mana aku dapat merasakan jejak
dan tumitku memancar seri
Di mana aku dapat menggenggam siang
dan malamku cekal meniti.

LIM SWEE TIN

Kegemilangan semata namun
 belum cukup memahatkan bangga
Masih perlu kita mengandakan usaha
 memecah punca yang ada
Kita rungkai rahsia kegemilangan
 di puncak tertinggi perjuangan
Sehingga tercecah setiap sentuhan
 dalam cengkam dan gapaian.

5
Inilah erti sebenar dalam susun
 dan atur derap seorang warga
Yang telah memancangkan janji
 dan ikraranya di garis mula
Kesedaranlah yang membawa kita setapak
 ke setapak di persada ini
Dan, di hari ini segala yang terpateri di hati
 kami realisasikan di puncak bukti.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

BERSILA DI TIKAR BUDAYA
*-Pesta Kebudayaan Cina Malaysia Ke-22,
di Dataran Merdeka, K.Lumpur.*

Mari bersila di tikar budaya kita
Bersama meniupkan seruai
dan memalu gendangnya
Iramanya adalah tingkah dan dendang perpaduan
Dan, anak-anak kita mengorakkan senyum
Dalam satu dakapan erat, santunnya
bangsa yang berjati diri.

Mari bersila di tikar budaya kita
Kita dengar alunan rebab kecintaan
jernih dan abadi
Berpadu gesekan gemersik *erhu* yang asyik
Sambil anak-anak kita bergandingan
Dalam satu pertautan murni kasih
dan persaudaraan.

Kitalah generasinya
Yang tak janggal bertimpuh di anyaman
mengkuang nenek moyang
Menguntumkan seloka dan pantun,
menarikan asyik dan canggung
Semuanya, pada batas penerimaan
yang rela

LIM SWEE TIN

A h , lihat Amir, Siva dan Jia Hua
menggayakan tarian singa
Dan, itu Suffiah, si ayu yang melakonkan
Eng Tai di opera lama
Kitalah generasinya yang menghafal
Tu Fu dan Li Po
Berselang gurindam dan nazam,
mengenal Pungguk dan Usman Awang
Aduhai, Li Li pun sedang menceterakan
Mahsuri, sesekali menjelma Teja
Semuanya menarik pesona
Semuanya pada letak aturnya
Semuanya mewajahkan wajah kita.

Duduklah dengan tertib di anjung
budaya kita
Tiada soal, apa tah upaya ditanya
Kankah telah kita ukirkan cantik
potret persetiaan ini
Dengan jaluran pelangi jalinannya
warna-warni
Ia awan larat kasih kita kepada
tanah tercinta yang tak berbagi
Kita paterikan kejap akrab, kita
senandungkan tulus hasrat,
kita hayunkan
langkah sederap!

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

MENGUKIR BUDI DI BUMBUNG PERIBADI

"Mengasah itu benarlah pada yang tumpul
Merai itu sungguhlah pada yang tersimpul
Mengetam itu tentulah pada yang tak rata
Mengukir itu bukankah menambah elok sebelum
tercela."

LIM SWEE TIN

Inilah jalan, jalan pilihan di denai peristiwa
di saujana hutan masa
Kita bugar kebun khazanah membawa pulang
segala hilang
Kita himpun merantau cengal menjadi pelantar
beranda lama tak berpagar
Di sini kita berhenti dari lelah kembara
berhenti kita menyatukan rasa
Kita di ujung pencarian apakah tercalar apakah
masih benar kita ini bangsa terbilang?

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Budi ini hiasannya di perabung yang tinggi
Bumbung peribadi menagih meminta
makna dan erti
Kita jahitlah kalau benar telah carik
cindai asuh yang dicari
Kita warnakan kalaulah sungguh telah lusuh
sutera kasih yang diberi
Tidak mungkin resah kita dan terluka lagi
ditusuksembilu
sedang di hadapan kita
bakal terturis duga dan uji.

Apakah mungkin masih adapilihan
dari segala pilihan
Kita akhirnya akan memilih murni
dari segala kemurnian,
indah dari segala keindahan
Budi yang telah membudikan kita
Kita pasakkan sepenuh upaya di segenap ruang
bernama kehidupan
Kerana kita bangsa berbudaya, di bumbung peribadi
kita letakkan ukirannya:
indah cemerlang!



TANAH JANTUNG

Ini negeri kita
Negeri kasih
Kasih kita yang tak berbelah
Kasih kita dalam rangkul genggam sejarah.

Kita genggam sejarah
Sejarah moyang diusap bahagia dan gundah
Gundah berabd akhirnya terlerai
Kita telah redahi pahit getir di lembah dan ngarai.

Pengalaman menjadikan kita lebih dewasa
Jatuh dan bangun anak-anak bangsa
Kenal makna faham erti sebagai warga
Kita menjadi berani, percaya diri dan perkasa!

Ini ibu pertiwi kita
Negeri cinta
Cinta kita yang setia terukir
Berdenyut di nadi bersama merah darah mengalir.

Alirnya memercikkan cita
Cita kita memercukan jaya
Jaya ini kelak menjulangkan maruah
Maruah tinggi di tanah merdeka yang indah.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Selamatlah kau tanah jantungku yang indah
Dari Utara ke Selatan, Timur dan ke Barat jua
Petamu kejaplah sudah
Udaramu damailah akhirnya
Melindung memayungi
Bumi kekasih ini.

Ini negeri kita
Diukir ikrar dan kata
Dikibar Jalur Gemilang merata
Senandung dan nyanyi bernafas setia.

Kesetiaan kita hanyalah kesetiaan
untuk tanah jantung ini
Dari perut laut hingga
kegunung tinggi
Awan-gemawan tanah air
gemilang
Kurenjis mawar kasih ke sekian
kalinya untuk kau negeri
yang kukasih!

LIM SWEE TIN

KE PELABUHAN WAWASAN

*- untuk Bapa Malaysia Moden,
Y.A.B. Tun Dr. Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri Malaysia ke-4.*

Layar yang kaukembangkan
Amanat nan sakti
Ia sarat unggul isyarat mencipta rentak dan gerak
Angin azam lantas membungakan riak
Inspirasi langkaui imaginasi, rentas wilayah teroka
Ke daerah dan rantau pemodekan aset informasi.

MSC pencetus inovasi perkongsian bestari
ICT menjana revolusi segala dimensi di hujung jari
Menghubungkan dunia maya
Hmu digali canggih teknologi tunjanganmu
mewarna jalan perencanaan tersusun rapi
Budaya kerja disuntik cermat, cerminan ukir
tradisiberhemat
Kemanusiaan diberikan sewajar letak
diimbangkan akal dan tindak.

Di jaringan ini kualiti menjadi tonggak
Kami hulurkan pejal khidmat
memakmurkan rakyat

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Menghemuskan gagas kesedaran
di laman minda masyarakat
Menguasai, memiliki, menggenggami
kepakaran siber yang tinggi
Memacu momentum memantapkan
daya saing ketercapaian dan keterhubungan
Memastikan ekspektasi penerokaan
dunia esok dan zaman depan tanpa
sempadan.

Tun,
Dukungannya memancarkan citra
di lengkungan pelangi
Kentallah rintis upaya dan visi
dengan kerangkanya pasti
Kuasai fizik elektronik, lahirkan
e-Masyarakat via e-Pembelajaran
Laksanakan e-Dagang seiring
berganding e-Khidmat Awam
Pembangunan sektor jana ke mercu
mencipta warga berjati diri
Bijak mengatur rentak, kemaskan
sarana seunjuran tari arus globalisasi.

Tidak mudah ke teluk impian diterjah
sisik-sisik persaingan
Sese kali terpukau langit kebiruan, layah
burung-burung berterbang
Kejap tali di tiang bukan
jaminan
Tak akan dikaramkan tajam
karang ancaman
Layar yang kaukembangkan
hembus berani perjuangan
kauhembuskan
Cekal redahi waktu, janji padam
riwayat luka silam, sahut
cabaran seteguh gelombang
Di era ekonomi kompetitif, yakin
kami pada peta terpeta
di tangan tergenggam.

Di pangkalan NITC, tegar kami
harungi komitmen terajui eksplorasi
Gembeleng ikhtiar, susun
strategi pintar

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Tun,
Kau tahukah bangsamu ini kini besar
Disalut kersani keramat pesan perdana,
perjuangan sepanasnya terlaksana
Terima kasih anugerah kecemerlangan
perkasamu teknokratku,
siap siaga angkatan
Dengan layar kaukembangkan terhala
tepat bahtera hasrat, meluncur
gagah ke pelabuhan wawasan.

LIM SWEE TIN

JAMBAK KASIH

- *Sajak Khas kepada Y.A.Berbahagia
Tun Dr. Mahathir Mohamad,*

Tun, kami mengagumimu
Mengagumimu adalah pujian
Pujian yang lahir dari kerendahan hati
Hati yang telah melihat segala
Segala yang terhindar dari percik bara wasangka
Wasangka yang menggerhanakan jernih jiwa.

Tun,kagum ini bukan kagum melulu
Seperti puji kami yang bukan puji terburu-buru
Telah kami susuri lorong dan denai baktimu
Kami masuki rimba dan belantara perkiraanmu
Seorang negarawan yang berani berdiri
berdepan kemungkinan
Yang betah mentafsir peta nasib bangsa
calarnya telah zaman-berzaman.

Inilah jalan kemuliaan untuk sejulur tamadun
Dari riwayat derita bangsa tidak terubat
Kaupilih langkah siaga kembalikan
mahkota kegemilangan
Hingga terkadang keliru dan luntur
yakin menyerbu

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Mencipta sekian mata panah tajamnya
berlumuran racun
Inilah kerdil jagat yang diacukan
kepadamu, tak terendah.

Tun, kami pernah letih
untuk mencarimu
Antara langkah lelah dan tinjaumu
ke muka terlalu
Jurang ini rupa-rupanya sebahagian
kesakitan
Kesakitan ini menghimpunkan
bintik-bintik nestapa
Nestapa ini kemudiannya memercikkan
jurai amarah
Ah, amarahlah akhirnya yang
menguncikan pintu pertemuan.

Demikian ada yang menjadinanar memilih;
menerima atau menolak
Kerana jawapanmu jauh amat dari jangkau
akal mudah
Titik mula yang akhirnya menjukngkan
jaya terserah

LIM SWEE TIN

Menghamparkan akur dari suatu perjalanan
yang demikian payah
Kelam mimpi yang tertahan-tahun kautinggaikan
dalam teka-teki
Kemudiannya jelas terpanjang pasti
alir keringatmu
membunggakan realiti.

Ada kalanya rencana itu payah, Tun
Kau pelukis di hadapan penonton
ragu-ragu memahami
Lagu gubahamu jadi tak mesra oleh
estetikanya berbeza
Arca ukiranmu pula melampaui dimensi
tafsir biasa
Aneh atur aksaramu tersirat fikir di luar
jangka
Seni ramuanmu sungguh menganjukkan pergi
keperibadian bangsa yang rapuh.

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Rakam sejarah telah menjawab segala
tanya dan sangsi
Ketika kelopak demi kelopak kudratmu
mengorakkan kuntum
Bunga kemakmuran kautaburkan ke segenap
pelosok tanah
tercinta amat kaucinta
Harga diri yang kaupacak membangunkan
maruah dan percaya
Kaulenturkan segalanya dalam sebuah
piala raksasa
dari himpun jerih perjuangan
Lalu berdiri kau di persada zaman,
bagai membisikkan:
"Kita bukan lagi bangsa terhina!"

Tun, selamanya kau di hati kami
Kami bersamamu.

JEJAK PERDANA

Sesekali marilah dengan jernih
Kita susuri pesisir impian perdana
Laut perjuangan luas
Kadang-kadang tak terfahamkan
Marilah kita sesekali menjenguk
Danau rindunya saujana membiru
Yang kadang-kadang dikaburkan kabus peristiwa
Tak ke dasar kita mencari makna.

Laung M E R D E K A Tunku
barangkali tidak semudah
Tatkala bertahun berulang kali kita
mendengarnya
Gema dan sorak-sorai telah banyak
menenggelamkan ceritera duka
Kesabaran dan keinginan
Kerinduan dan kepedihan
Meronta lantas mengabur
Di laman ingatan.

Seorang Tunku yang telah melewati
segenap derita bangsa
Mengenal setiap lorong dan perih payah
Rakyat tercinta
Tak mungkin menangguhkan atau
menunda

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Sesaat pun perebutan tatkala helah
 tatkala licik Inggeris
Masih menjadi sembilu menikam
Hanyalah detik keramat itu,
Sengsara lebih empat abad sudah
 terlalu lama
Membebani pundak sejarah
Kita tak mungkin lagi akan berpaling
 kecuali melihat
Ke hadapan sejulur pelangi
 terhampar segala indah.

Kemerdekaan bukan hanya sebuah laungan
Kemerdekaan itu pengisian
Negarawan terbilang mengisinya dengan
 yakin dan penuh keberanian
Penjahah di mana-mana pun tidak
 pernah meninggalkan
Dengan sempurna tanah jajahannya
Demikian di sana sini Tunku, kemudian
Tun Abdul Razak
Menampung sekian banyak carik
 di baju kehidupan anak-anak bangsa
Kemerdekaan tidak bermakna sekiranya nestapa
 rakyat hanya mampu didodoikan
Dengan buai hasrat.

LIM SWEE TIN

Negarawan membenihkan pengorbanan
Jawab segala persoalan
Sesekali diejek sesekali dimomokkan
ApasahajjalanterbukaTunkulaksanakan. Tun
Abdul Razak menyambungnya
Merealitikan segala lakar igau dan mimpi
Dan, melihat sekian banyak keringat jasa dialirkan
Bangsa pun terlepas dari belenggu mencengkam
Sejahtera pun merata perlahan-lahan kita juga belajar
Memahami erti sebuah kemerdekaan.

Bapa Pembangunan ini tidak lama bersama
Namun kasih kita kepadanya dalam tertanam
Sayap semangatnya tertebar seluruh rakyat
Menghafalnya seluruh
Kecintaan yang subur tumbuh, jiwa mereka
Sedia merendang
Saat ini siapa pun tidak berani lagi menepis menyinisis
Tun Hussein meletakkan pula tanah air
Ke era kecemerlangan
Tradisi Membela Rakyat yang dibawanya
Meresap jauh ke sukma
Berpadulah setiap hati dalam satu ikatan harmoni
Sambil kita menjulukinya Bapa Perpaduan

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Negarawan ini namun berdiri payah persis Tunku
yang
Menempuh saat-saat gundah tatkala
Di luar tuntutannya keras terlalu
Arus zaman telah mengubah paradigma jagat
Asakannya hebat
Tun Hussein menyusun barisan padu mendepani
Tantangan zaman
Mengentalkan waja kekuatan rakyat bersatu dalam
Satu keazaman terikat
Malaysia telah diwariskannya kepada jelata
Moden, gagah dan perkasa.

Kegagahan dan keperkasaan ini diperkuuhkan lagi
Oleh pengganti
Ketika menyambut teraju pemerintahan
Mahathir melihat tuntutan yang lebih bersegi
Kemerdekaan ditokok lagi maknanya di sisi segala
Bangun dan ceracak prasarana
Kemerdekaan adalah kasih yang tidak berbelah
Terhadap negara
Kemerdekaan adalah kesetiaan dalam menyatakan
Kesungguhan hakiki
Kemerdekaan adalah kegigihan meneroka

LIM SWEE TIN

Kesempatan tak tercari
Kemerdekaan adalah pembebasan minda
Dari segala kerdil diri
Kemerdekaan adalah peneraju
Bukannya pengekor yang mengahberlari
Kemerdekaan adalah pulang kembali ke rumah diri
Adalah pergi yang berani!

Mahathir perintis kepada kekentalan peribadi
segenap warga
Marilah nyatakan siapa kita ke muka
Dengan langkah siap siaga
Negarawan ini tidak hanya melontar kata
Tetapi membuktikannya,
Dia tidak menanti kerana menanti bukan sahaja
tidak ke mana, tetapi pasti ditinggalkan
Digulungnya hujah dengan perkiraan payah
Dirumuskananya yakin dengan perhitungan lain
Malaysia dibawanya ke pentas dunia
Tiada yang tidak mungkin
Kalau kita mengumpul segala ingin,
Suara negara didengar jauh rentasi tujuh benua
Satelit negara berputar bangga di angkasa raya

CAKERAWALA KEMERDEKAAN

Fikir Mahathir tak lagi ditepis,
tetapi dipinta dianalisa dan digali intinya
Dan, nah bangsa merdeka ini pun mampu dirikan
Mercu tertinggi di dunia.

Sesekali marilah dengan jernih kita jejaki
Jejak perdana kita susuri
Sejarah gemilang bangsa bermula di sini
Rindu, mimpi dari sukma murni
Sejarah gemilang bangsa berawal di sini
Kasih, rela dari jiwa tak terperi.

LIM SWEE TIN

**DI BAWAH LANGIT LAZUARDI INI,
MARILAH MENGINSAFI DIRI,
MENEGUHKAN
KEMERDEKAAN ABADI**

Di bawah langit lazuardi
Tanah air yang dicintai ini
Marilah bersama kita membaca
Lakaran panjang jalur catatannya
Dendang kegemilangan
Kerajaan Melaka terbilang
Melaka menjadi era sakti
Mengkhabarkan keagungan
Ke segenap ruang bumi
Sebuah empayar berdarjat dan hebat
Terjulang nama ke seluruh jagat!

Kisah bangsa kemudiannya berdarah
Hanyir dan hamis nanah petualang
Segala mendalang
Leka seketika membawa celaka
Melaka tak lagi Melaka
Geruh kesakitan menggetar sejarah serta abad
Mimpi moyang berkecaian dan ranap
Hiris luka membebati langkah menderap

CAKERA WALA KEMERDEKAAN

Lidah terkunci, suara terpateri
Pinar dan pijar segala pandang
Ibunda meronta, meramas ribut,
terhunuslah keris pusaka.

Ini bukan seloka gurindam rayu,
merayuwalang
Walangtak padam oleh deretan
kalimat penyesalan
Penyesalan hanya datang setelah
sedar yang panjang
Kita sedar bersama bangkit, dalam
satu arus kebangkitan
Kebangkitan yang hakiki adalah
keberanian mewajahkan diri
Tak undur sekali pun jasad dan
roh terurai
Maharaja Lela, Tukjanggut,
Bahaman, Mat Kilau,
Dol Said, Mat Salleh
dan Rentap
mewariskan waja semangat

LIM SWEE TIN

Sekali bernama tanah air, selamanya
 biarlah tergenggam ke akhir
Di sini pahlawan pernah tersepit,
 disergah, dihimpit sejuta aduh
Nyaring jerit gemanya ratusan tahun,
 bergema di jiwa tak luluh!

Mari, marilah kita kali ini,
 senandungkan nyanyi
Jernih sekali, di bawah langit
 lazuardi yang jernih
Dari segala bibit cinta subur terbenih
Mengukuhkan persaudaraan kita,
 dari derita saudara-saudara
 yangmenderita
Kejapkan tangan, simpulkan
 talikeinsanan
Kita leraikan segala rantai nestapa,
 yang merantai jiwa mereka
Kita lepaskan rakit kepahitan, yang
 meluluhkan setiap rasa
Biarlah keikhlasan memekar di jiwa,
 biarlah kebersamaan kita
 menghimpunkan nuraga

CAKERAWALA KEMERDEKAAN


Bunga-bunga kasih yang putih, kita
taburkan di pusara dengan
hati segala kasih
Di bawah langit lazuardi ini, marilah
menginsafi diri,
di bumi Tuhan Yang Esa,
kita hamba-Nya, menerima segala
terturis usah merintih
sekalipun pedih.



LIM SWEETIN



PUSTA
PERDAR
LIBRA



Kemerdekaan adalah kasih yang tidak berbelah
terhadap negara
Kemerdekaan adalah kesetiaan dalam menyatakan
kesungguhan hakiki
Kemerdekaan adalah kegigihan meneroka
kesempatan tak tercari
Kemerdekaan adalah pembebasan minda
dari kerdil diri
Kemerdekaan adalah pencarju
pukunya pengkor yang mengah berlari
Kemerdekaan adalah pulang kembali ke rumah diri
dalam pergi yang berani!

CITRA KURNIA ENT.



ISBN 978-973-42283-5-5

9 78973 4228355